Setelah sekian lama akhirnya muncul juga cetusan pemikiran Dr M. Rata2 masyarakat sekarang dengan penuh minat mengikuti perkembangan UMNO & pemimpin2nya. Rasanya tak sabar mengguna tarikh keramat Mac 2009. Dan rata2 juga mereka mengharapakan satu perubahan drastik yang diharap dapat memberikan harapan besar terutama orang Melayu.

Sudahlah menjadi sifat semulajadi Melayu yang mudah di"beli" dgn murah sekali, pemimpin2nya pula bagai gunting dlm lipatan tanpa rasa bersalah sanggup menggadaikan maruah bangsa sendiri seperti pemilikan hartanah, peluang perniagaan hatta tanah rezab perkuburan pun sanggup dipindahmilikkan.

Kalau nanti makin lantang kaum2 lain memainkan isu2 berkaitan Melayu bukan sahaja kerana mereka bertambah berani tetapi kerana terlalu luas ruang yang telah dihadiahkan kepada mereka untuk di ambil kesempatan akibat kelekaan orang2 itu Melayu sendiri & termasuk pemimpin2 yang diharap untuk menjadi pembimbing bangsa.

By Jebat on December 2, 2008 2:49 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya pernah mengatakan dan akan terus mengatakan baawa UMNO tidak boleh hidup tanpa rasuah. Atas perbuatan rasuahlah UMNO terus hidup. Jika kesemua perasuah ditangkap, dibicara dan bersalah atas rasuah maka apa yang tinggal dalam UMNO. Apa UMNO kenal saya JEBAT untuk terus bersama UMNO.

JIKA SAYA JADI PERDANA MENTERI.

Semua pemimpin UMNO yang dilaporkan rasuah akan diserahkan kepada BPR dan bukan lembaga disiplin UMNO. Sebab lembaga disiplin UMNO juga korup. Tun juga yang mengatakan beranggapan bahawa lembaga disiplin susah untuk dipercayai. Ketika itu UMNO terlalu lemah sebab ketiadaan pemimpin yang biasa (sejumlah besar terlibat dengan rasuah). Ketika itulah Tun akan mengatakan bahawa PM ketika itu tidak tahu membuat kerja sebab menagkap semua perasuah dan penerima rasuah. Maka panjang lebarlah artikel Tun ketika itu.

Sepatutnya ketika Tun memerintah dahulu telah dihapuskan semua kes rasuah ini. Perintah BPR untuk siasat mereka yang berkenaan. pecat ahli UMNO yang rasuah. Jangan buat kuota dalam pemilihan UMNO walaupun ahli bersetuju untuk buat kuota semasa itu. Kenapa Tun tidak gunakan kuasa ketika itu. Pecat semua pemimpin yang bermasalah samada dalam UMNO atau parti komponen yang lain. Mengapa tidak pecat Samy Velu dan Rafidah semasa Tun berkuasa. Selembik pak Lah dia berani singkirkan Rafidah.

By snizam7 on December 2, 2008 2:50 PM

Assalamualaikum.

Percaturan terus diatur bagi memastikan hajat setiap yang berkepentingan dapat dicapai. Dalam kita beserah kepada ketentuan Allah pemimpin sejati harus terus berusaha agar mereka yang tidak jujur dan ikhlas dapat disingkirkan.

Kami doakan agar Malaysia terus dilindungi dan dipelihara ALLAH.

Saya tetap menyokong usaha TUN.

Wassalam.

By smerah7Author Profile Page on December 2, 2008 2:51 PM

salam Tun,

I'm - Numero Uno !!!

By Jebat2008 on December 2, 2008 2:52 PM

Assalamualaikum... Tun yang saya kagumi,

Saya juga mendengar khabar angin yang mengatakan :

6. Berita angin sudah berkembang bahawa walaupun Najib akan jadi Presiden Umno, tidak semestinya dia akan jadi Perdana Menteri. Berita yang didengar ialah Abdullah masih berminat meneruskan jawatan Perdana Menteri.

Samada ianya benar atau ianya adalah "ANGIN AHMAR" yang bakal menyerang UMNO pada tahun depan, hanya masa yang menentukannya ? Jika "ANGIN AHMAR" melanda UMNO, maka tiada lagi parti Melayu yang benar-benar memperjuangkan hak Melayu di negara kita. Jadilah Melayu Malaysia seperti Melayu Singapura yang menjadi rakyat kelas ke 3 di tanah air sendiri.

Tun,

Saya cukup hairan dan pelik mengapa sebahagian besar ahli Majlis Tertinggi UMNO sekarang ini begitu "bebal" dalam membuat apa yang terbaik untuk UMNO dan orang-orang Melayu umumnya. Mereka seolah-olah mengikut kekebalan Dolah Badawi dalam membuat sebarang keputusan. Mereka seolah-olah tidak mampu menganalisis atau melihat apa akan berlaku pada UMNO untuk beberapa bulan atau beberapa tahun akan datang. Saya tidak mengatakan saya ini seorang yang bijak tetapi saya yakin jika saya di tempat Presiden UMNO sekarang, saya akan memberi ruang untuk ahli-ahli UMNO lain menggantikan tempat saya. Saya cukup pelik bercampur terlalu benci dengan PM sekarang ini, kononnya memperjuangkan ketelusan dan hak bersuara tetapi BELIAU SEOALAH-OLAH TIDAK MEMAHAMI KEHENDAK MAJORITI AHLI UMNO SEKARANG YANG MAHUKAN BELIAU BERHENTI SEGERA.

Saya percaya cuma satu sahaja jawapannya mengapa ini berlaku iaitu menantunya KJ dan anak-anaknya serta kunci-kuncunya yang berkepentingan dalam mengaut keuntungan negara ... menahan beliau dari berbuat demikian untuk tempoh seberapa lama yang boleh beliau bertahan sbg PM.

YANG MENANGGUNG RUGI ADALAH MELAYU, UMNO DAN KEBANYAKAN RAKYAT BIASA YANG TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG "RASUAH DALAM KEMELUT POLITIK UMNO". JUSTERU ITU ADALAH LEBIH BIJAK DAN LEBIH MENAFAAT UNTUK UMNO DAN NEGARA JIKA MAJLIS TERTINGGI UMNO MINTA DOLLAH BADAWI INI MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PM DAN PRESIDEN UMNO SERTA-MERTA.

PANDANGAN SAYA, MAJLIS TERTINGGI UMNO HANYA PERLU MEPILIH SATU DARI DUA IAITU MAHU MENJAGA UMNO DARI TERKENA "ANGIN AHMAR" ATAU MAHU MENJAGA HATI SEORANG RAKYAT YANG TIADA KUALITI SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN NEGARA SEPERTI DOLAH

MEMIMPIN NEGARA TERCINTA INI.

SEKIAN TUN.

By AsamGaram on December 2, 2008 2:55 PM

Salam TUN,

Perdana Menteri? Tidak kiralah siapa pun PM yang bakal menerajui MALAYSIA suatu hari nanti, MALAYSIA akan berdepan dengan pelbagai cabaran dalam dan luar negara. Keadaan politik di MALAYSIA pasti bergolak lagi dan itu lah keadaan di Era-21. Bangsa akan bangkit dan kerajaan akan bergolak di mana-mana sistem pemerintahan dunia. Kesempurnaan yang diformulakan dalam sistem pentadbiran tidak akan dapat banyak membantu. RASUAH hanya sebahagian kecil dan faktor sampingan KERUNTUHAN Bangsa di mana-mana sistem pemerintahan dunia. Akan ramai PAK LAWAK cuba mempertahankan hak ketuanan BANGSA yang bukan pun isu kebangkit. Itulah KEBODOHAN dan KETAKUTAN yang sia-sia di dunia politik Pak Menteri. Menyempitkan fikiran dan amat melucukan bagi kebanyakan MASYARAKAT MAJMUK di MALAYSIA yang cintakan keamanan dan keharmonian semasa.

PEMIKIR BORNEO

By AloQStaqAuthor Profile Page on December 2, 2008 2:56 PM

Salam keceriaan dan kesihatan untuk Tun Ayahanda kami Rakyat Malaysia, Saya mendapat tahu Tun amat berselera semasa menikmati juadah semasa di Iran baru-baru ini ... Alhamdulillah, seronok mendengar Ayahanda Tun dalam keadaan sihat dan ceria menikmati hidangan. Cuma saya harap Tun dapat menjaga kesihatan Tun dan saya doakan semoga Ayahanda Tun Dr.M dan Bonda Tun Dr.Siti Hasmah terus sihat dan sentiasa gembira.

Ayahanda Tun,

Saya dan rakan-rakan amat bersetuju dengan hasrat Tun untuk mendedahkan nama Perasuah Pelingkup Parti ...

Kami amat mengalu-alukannya. DEDAHKANLAH dengan fakta dan bukti yang Ayahanda ada ... Pastinya kami generasi pelapis UMNO selepas puluhan tahun ianya ditubuhkan, mengharap semoga parti UMNO bersih dari virus-virus perosak ini ... Bukan untuk merosakkan nama dan masa depan perasuah tersebut TETAPI DEMI UNTUK MENGELAKKAN UMNO TERUS DIROSAKKAN OLEH ORANG-ORANG GILA POLITIK WANG ITU! ...

Mengenai Abdullah yang dikatakan tidak akan melepaskan jawatan PM sejurus peralihan jawatan Presiden UMNO kepada DS Najib, ramai yang mendapat maklumat sedemikian. Abdullah patut turun serentak dengan peralihan jawatan Presiden tersebut secara rasmi kepada DS Najib. Rakyat pasti akan marah lebih berlipat kali ganda terhadap kepimpinan ini jika jawatan PM tidak diserahkan pada MAC 2009 nanti. Mahu tidak mahu, suka tidak suka, ikhlas tidak ikhlas, pedih tidak pedih, tertekan atau tidak ... Abdullah WAJIB MELEPASKAN JAWATAN PM KEPADA DS Najib SEGERA!! ...

Abdullah patut mengisytiharkan tarikh serahan kuasa PM kepada DS Najib mulai sekarang! ... Dia patut jelaskan tarikh ini.

Nampak memang seolah-olah Abdullah tidak mahu jelas peralihan kuasa PM tersebut pada satu tarikh yang tepat. Mungkinkan dia akan terus memegang tampuk tersebut sehingga rakyat marah buat kesekian kalinya? ... Tak malu.

AloQStaq

<http://AloQStaqBlog.blogspot.com>

<http://www.MyKMUtara.net>

By ENCIK NASIRA Author Profile Page on December 2, 2008 2:57 PM

Assalamualaikum Tun,

I thought since you are now in Tehran, you would write on issue closer to your heart i.e the Palestinien issue.

When you were PM, you championed the cause of the Palestinien, which is easier the more pertinent issue then the UMNO election.

Tun, weather the political reign of Malaysia is headed by BN or the Opposition, I believe we all will be in good hand no matter what.

Your legacy will be in good hand no matter who held the reign, cause everyone here have already experience bitter sweet lesson from you.

Malaysian will continue to be who they are caring, learned and responsible people.

Don't worry about us Malaysians, trust me, we are going to be ok.

Have a safe trip and god willing continue to champion the palestinien cause. They need you more then ever now.....

By pekasam on December 2, 2008 2:57 PM

Melihat kepada situasi selepas pilihanraya, teori Tun tidak mustahil boleh berlaku. Yang diPertuan Agong mungkin menolak Presiden BN pada masa itu sebagai PM, dan mendesak BN mencalonkan orang lain. Saya sokong...

By tok kadok on December 2, 2008 3:00 PM

Assalamualaikom wtw,

Tun Yang DiKasihi,

1. Saya yakin DSAAB akan menyerahkan kuasa kepada DSNR sebagai PM bulan Mac ini. Benar kata Tun tidak semistinya Presiden UMNO akan jadi PM. Contoh-contohnya Tun telah beri yang ada dalam parti pembangkang. Tapi kalau DSAAB tidak berbuat begitu, maka bukan saja dia akan menghadapi tekanan yang kuat dari ahli-ahli UMNO, tetapi dia akan menguburkan UMNO untuk selama-lamanya. Saya yakin DSAAB belum sampai keperingkat itu untuk melihat UMNO lenyap dari bumi Malaysia ini.
2. Yang saya amat perihatin dan ingin melihat ialah penolakan perwakilan UMNO dalam PAU pada bulan Mac ini terhadap pemimpin-pemimpin rasuah yang menggunakan wang untuk menang. Atau dalam bahasa yang senang difaham pemimpin-pemimpin rasuah yang membeli undi perwakilan. Apakah perwakilan dapat berfikir dengan rasional kuasa mengundi satu undi yang diamanahkan kepada mereka itu akan mereka gunakan sebaik mungkin demi untuk menyelamatkan UMNO yang kita sayangi ini? Atau mereka akan kelabu mata dan memekakkan telinga kerana habuan beberapa ribu RM oleh pemimpin-pemimpin itu lalu akan memilih perasuah-perasuah untuk menjadi pemimpin UMNO. Kalaulah boleh saya ingatkan perwakilan-perwakilan UMNO yang akan mengundi dan memilih pemimpin barisan baru UMNO bulan Mac ini supaya menerimapakai fatwa Tok Guru Nik Aziz yang berkata "Bagi beras - masak, bagi kain - pakai, bagi gula - kacau, bagi duit - terima, tapi undi tetap pada PAS". Sekiranya ini berlaku maka perwakilan UMNO akan membuat pemilihan yang betul dan sekali gus perwakilan menyampaikan mesej kepada pemimpin yang rasuah itu bahawa mereka ditolak oleh UMNO. Apakah itu akan berlaku?. Saya mengharapakan satu perubahan paradigma akan berlaku dan akan dilakukan oleh perwakilan.
3. Saya juga tertarik dengan cadangan TSMY yang mahu pemilihan pucuk pimpinan UMNO dilakukan oleh semua pemimpin disemua peringkat. Jelas cadangan TSMY itu untuk mengilak rasuah politik berleluasa. Kalau sekarang 3000 perwakilan boleh dibeli atau dirasuah, tetapi puluhan ribu pemimpin semua peringkat agak sukar untuk dibeli. Cadangan TSMY itu diperkuatkan lagi dengan cadangan DSAR yang mahu UMNO mempunyai SPRnya sendiri untuk mengendalikan pemilihan. Saya yakin, sekiranya pucuk pimpinan UMNO yang akan dibentuk nanti dibawah kepimpinan DSNR yang telah MENANG TANPA BERTANDING dapat mengkaji cadangan itu, maka ianya merupakan usaha-usaha radikal yang perlu dibuat demi untuk menyelamatkan UMNO.

By ames2008 on December 2, 2008 3:01 PM

Salam Tun,

Walaupun saya bukan melayu tetapi saya setuju dengan Tun, apabila dah terlambat, bukan bangsa malaysia saja yang akan rugi tetapi terutamanya orang melayu. Kestabilan politik jika terjejas maka secara tidak langsung juga akan menjejaskan dan memburukkan keadaan damai yang dinikmati sejak dari zaman Tun lagi. Rakyat Malaysia mesti sedar dan bangkit bersatu untuk masa depan negara. Rakyat yang harus menikmati perpaduan dan keamanan ini dan bukannya pemimpin yang hanya tau mementingkan diri dengan memegang jawatan Perdana Menteri lebih lama....mengambil kesempatan dari kebaikan rakyat yang telah memberi peluang secara baik untuk Badawi turun dengan aman jika dibandingkan dengan keadaan Thailand sekarang...

Saya sokong perjuangan Tun untuk menurunkan Badari dari kedudukan beliau sekarang kerana beliau memang tidak boleh dipakai lagi...

By ZINNZAIN on December 2, 2008 3:01 PM

YAB Tun,

Assalamualaikum, Selamat Sejahtera and Selamat Petang.

The probability and possibility of the outgoing UMNO President to continue as Prime Minister of Malaysia after March 09 UMNO General Assembly is always there.

Like what Tun said, its only 'a tradition' that UMNO President and BN Chairman assumed the Prime Ministership of Malaysia.

Please remember that the present PM is still the MP for Kepala Batas.

I do really hope that kind of scenario will not happen.

Back to UMNO internal problem. Apart from infighting to secure the coveted seats in UMNO General Assembly, we have seen and heard of verbal abuses and chair throwings during Branches' and Divisions' Meetings to choose their office bearers.

When infightings occurs, there will be a split in that Branch or Division. Those who are left out will be disgruntled and could look the other way...UMNO lose...

A good example of this is the ADUN for Seberang Jaya who openly said that he is keeping his option open. Penang's Pakatan Rakyat government is reportedly willing to offer him the Deputy Chief Minister's chair if he chose to jump to their side.

The former de-facto Law Minister unashamedly sat at the front row during the recently concluded Parti Keadilan Rakyat's Congress held in Shah Alam. This is not the first time this person is seen in the company of opposition big guns.

Look at those two personalities. They are UMNO members but at the same time their action are seen or seemed to be seen as against the good conduct of UMNO members.

Except for an UMNO Vice President who vocally called for the former de-facto Law Minister to be sacked, the rest of UMNO hierarchy seems mum. He should be sacked, period.

Now we look at what is happening to Wanita UMNO. Another infighting. Obviously we could see 2 camps. Rafidah and Shahrizat. This episode of Wanita UMNO could have been avoided if the leadership has been firm in their decisions but instead it was left to deteriorate to a state where it crossed 'the point of no return'.

No doubt, UMNO March 09 General Assembly will see lots of blood being spilled. It will take months if not years for those involved to lick their wounds and swallow their pride before accepting the reality. Of course not to mention the monetary loss...

By then, PRU 13 is only about 3 years around the corner. Mending fences, regrouping and closing ranks will be the hot topic of the day, after March 09.

Eventhough like what Tun said 'Melayu Mudah Lupa', but in this context, 'Melayu Tak Mudah Lupa'. Being armed with PHD (Perasaan Hasad Dengki', those who lose might look at the other way as well... Again UMNO lose!

Whichever way we look at this coming March 09, the future of UMNO look grim. Thus the future of BN will also look grim in PRU 13.

Have a nice day fellow bloggers and Selamat Hari Raya AidilAdha.

May Allah bless Tun and Bonda Tun Siti Hasmah always.
By helmiAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:02 PM

Salam bahagia TUN,

Ini adalah kali pertama saya menghantar komen kepada TUN. Semoga TUN sekeluarga sihat sejahtera. Sayang, manusia sekarang terlalu mengejar kebendaan sehinggakan lupa nilai-nilai murni. Duit menjadi raja dan mereka semua menjadi hamba kepada duit. Ingatlah, duit tak akan dapat di bawa mati cuma amalan yang dapat membantu kita di akhirat nanti.
By AAK on December 2, 2008 3:02 PM

Wow... if Abdullah is still the PM come the next PRU, I will vote for the opposition even though they have non of my interest at heart! I would rather let a untried, uncertain, pasar-malam party rule then let the current UMNO continue to rape our country!!!
By cucu tok buyong on December 2, 2008 3:03 PM

TUN.

Amat menakutkan kan bila membaca petikan dipara 6.

6. Berita angin sudah berkembang bahawa walaupun Najib akan jadi Presiden Umno, tidak semestinya dia akan jadi Perdana Menteri. Berita yang didengar ialah Abdullah masih berminat meneruskan jawatan Perdana Menteri

Macam tu Pak Lah tak pegang janji lah. Mungkir janji lah pada Najib. Pak Lah tipu rakyat Malaysia lah. Jadi nya sah lah Pak Lah berdendam dengan UMNO dan rakyat Malaysia. Pak Lah lebeh rela tengok UMNO dan BN kalah dan hancur selepas PRU13. Nauzubillah!!

Maka puas lah hati seluruh kaum Melayu. Menang sabong negara tergadai. Kerana itu yang di kehendaki majority ahli UMNO.

Maka riang gembira lah PR, PAS, DAP, MCA, MIC, PPP, GRK dan BC. melihat hancur nya bangsa melayu, agama Islam dan hilang lah nama Malaysia sebagai tanah tumpah darah orang Melayu. Maka jadi lah orang Melayu bagaikan "Ayam mati kelaparan dikepok padi. Itik mati kehausan di dalam kolam."

HIDUP PAK LAH !!! kerana mu.....

By JengkingAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:04 PM

Sejahtera Tun

Sebenarnya saya amat sedih dengan pergolakan yang menimpa negara ini sejak kebelakangan, dari segi ekonomi, politik dan ketenteraman.

Saya membesar di bawah era Tun, dan pimpinan & kepintaran yang Tun miliki sangat saya kagumi. Dari kecil lagi setiap kali muka Tun muncul di kaca TV, saya pasti mendengar dengan teliti tentang apa yang diperkatakan oleh Tun. Kewibawaan Tun jelas terserlah bila Tun boleh menjawab apa jua soalan yang

diajukan lengkap dengan fakta sekali.

Tapi bila saja muka Pak Lah muncul & berucap di kaca TV, rasa meluat & marah terus timbul, dan akhirnya saya matikan saja TV dari terus mendengar ucapan yang sekolah rendah pun boleh buat dengan lebih lagi.

Apa kan daya usia & kekuatan Tun tidak mengizinkan untuk Tun terus memimpin negara.....jikalau tidak pasti kami majoriti rakyat Malaysia akan meminta Tun kembali semula menjadi PM. Tak kisah la apa yang diperkatakan oleh mereka yang tak suka kan Tun. Bagi saya mereka sama ada jahil atau tidak tahu mengenang budi dengan apa yang mereka nikmati selama ini hasil dari sumbangan Tun juga.

Di Pak Lah membaca komen saya ini. Saya sangat-sangat meminta.....TURUN lah dari jawatan PM dengan segera. Cukup lah kemusnahan yang telah anda lakukan. Selamatkan lah Malaysia & bangsa Melayu dari ketidak upayaan Pak Lah dalam memimpin.

Semoga semua Sejahtera!

By Tun Sri Lanang on December 2, 2008 3:04 PM

Assalamualaikum,

TUN

Terimakasih atas peringatan Tun

apa yang tun cuba utarakan adalah sama dengan apa yang rakyat telah pun katakan.

semoga Malaysia lebih makmur dan di jauhi dengan pemimpin yang rakus.

By SingaporeMalay on December 2, 2008 3:05 PM

Salam buat Tun sekeluarga. Memang dah berbuih mulut Tun dan pemimpin2 Melayu yg bertanggung-jawab menasihatkan supaya ahli2 UMNO menolak rasuah. Namun rayuan n nasihat spt tidak diendarkan. Mereka yg sogok n terima sogokan masih leka n yakin bahawasanya UMNO n BN akan kekal berkuasa. Mereka tak sedar ramai rakyat akan mengundi parti pembangkang pd pilihannya ke 13 n berkemungkinan UMNO n BN tersungkur boleh mejadi kenyataan. Saya sebagai rakyat melayu biasa di Singapura merayu org2 melayu Malaysia supaya singkirkanlah pemimpin2 yg pentingkan diri sendiri. Bersatulah utk kemajuan n kesejahteraan org2 melayu. Kalau Anwar Ibrahim dan Pakatan Rakyat berkuasa, akan terhapuslah kuasa politik org2 melayu. Tun pasti tidak mahu nasib org2 melayu di Malaysia serupa dengan org2 melayu di Singapura. Saya berharap sangat Tun gunakan apa yg Tun mampu utk memulihkan UMNO n BN dan yakinkan rakyat supaya menolak PR. Rakyat perlu sedar yg PR cuma pandai bersorak, tapi kampung tergadai. Fikirkanlah wahai org2 melayu di Malaysia. Jgn dah terantuk baru nak tergadai. Masih berkuasa jgn ingat kuasa akan terus kekal selamanya.

By Wafi on December 2, 2008 3:06 PM

Salam Tun,

Saya bersetuju dengan pandangan Tun. Krisis rasuah pada hari ini sebenarnya lebih teruk membarah. Saya cadangkan dedahkan saja senarai nama pemberi rasuah yang Tun ada tu. Boleh jugak kami kenal siapa mereka sebenarnya.

By smerah7Author Profile Page on December 2, 2008 3:07 PM

I'm Numero Uno

By PowerRanger on December 2, 2008 3:10 PM

Dear Tun & friends,

Salam Sejahtera.

Saya lebih suka jika Abdullah terus kekal sebagai PM selepas Mac 2009 sehingga PR13.

Sebab, pemimpin2 yang digelar "perasuah" oleh Tun akan ditumbangkan sekaligus pada PR13 kerana BN akan kalah. KALAH TERUK!!!

Komen "15"

Saya berpendapat kaum Melayu di Singapore bukan "hamba" yang dianggap ramai oleh rakyat Malaysia.

Singapore mengamalkan 'DASAR SAMA RATA' iaitu 'TIADA HAK-HAK KEPENTINGAN' oleh sesuatu kaum seperti yang diamalkan di Malaysia.

"SIAPA BOLEH, DIA DAPAT" adalah lebih adil dan dasar ini lebih sesuai dilaksanakan pada zaman moden atau pada GENERASI MUDA.

"HAK-HAK KEPENTINGAN" hanya boleh dan sesuai diperuntukkan pada "KELUARGA KEKURANGAN / MISKIN" dan bukannya "KAUM TERTENTU".

APA PULA PENDAPAT ANDA?? SILA KOMEN.

By Mohamad Yusli Jamani Author Profile Page on December 2, 2008 3:11 PM

13. antara kerosakan yang amat susah diperbetulkan ialah kadar kenaikan harga barang, yang diambil kisah ialah cili merah, beras serta beberapa barang asas, macam mana pula dengan kenaikan pada perkhidmatan, barang asas masakan, seperti kicap, sos, barang asas bayi seperti lampin pakai buang, minyak bayi, Kempen Jimat & Senang Kira tidak sepatutnya dilaksanakan langsung, mohon ada pihak yang sedar bahawa ianya HANYA menguntungkan pihak peniaga (terutama pasar-pasar besar)!

14. rasuah bagaikan tak dapat dibendung dalam UMNO, Tun Dr. M dedahkan saja apa yang benar. Takkan nilai bangsa kita cuma dengan harga RM100 ?!

15. Tak payah generasi akan datang, generasi sekarang yang rata-rata berpendapatan bawah 2500 sebulan pun dah menyumpah serta kutuk mereka sebab kerosakan yang ada sekarang ini, Tun. Semasa zaman/era pemerintahan Tun dulu, mana ada pihak yang berani atau lantang bersuara macam sekarang, sebab apa, tindakan dilaksanakan kalau salah dibuat

**maaf, penuh emosi, setelah habis RM180 semata utk membeli 75% barang keperluan rumah yang rata-ratanya mengarut harganya (kenaikan sekurang-kurangnya 25%- 35%) walhal harga Petrol dah turun!

By nano on December 2, 2008 3:11 PM

Salam Tun..

Cukup la cerita pasal Pak Lah, dah boring. Dah tahu dah Tun nak dia turun. Kita semua pun dia turun...Bila dah selalu sangat diulang-ulang, jadi muak...Topik lain la pulak.

Apa pendapat Tun tentang penswastaaan pengurusan sisa pepejal yang dah lebih 11 tahun..tapi belum terlaksana?

The least that Malaysians care about is cleanliness and where we dispose our wastes. To be become a developed country, I believe the mindset should be changed.

Please...really want to hear your comment about about this.

By Pak Din on December 2, 2008 3:12 PM

Dearest Tun,

Anak kecil main api.... and the song goes on. The thing I can't phantom is that the Malays knows the consequences but somehow they are in Denial that UMNO can loose and be out of power. May be this statement is not an accurate assestment, may be I should say the UMNO leaders and supporters are still in denial.

It takes a strong leader that is willing to put everything on the line and change UMNO. I sincerely hope DS Najib will have the guts to do it.. he will be up against a lot of strong UMNO leaders who are corrupt, in denial and mostly Selfish!

You must also note that there are good leaders within UMNO and these people will have to be given a fair chance to show what they have got.

I am sure Tun have the list and surely you are puzzled and surprised to see that almost everyone is in there :) How many of them are you going to publish Tun? Spare no one my dearest Tun, UMNO deserves to be run by genuine leaders that is for the people with this they will be choosen by the people.

What would we do without you my dearest Tun. I am humbled by you, thank you so much and may Allah bless you.

salam,
Pak Din

By kedah_kbg pasuAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:15 PM

salam TUN,
Amanat yg penting untuk masa depan politik negara...
Fikir2kan..

By stripe on December 2, 2008 3:16 PM

Askm YAB Tun & Keluarga.

Malaysia dimasa kini mempunyai PM - Pembuka Tirai Majlis Perasmian dimana mana sahaja.

Urusan Negara PM - "exempted" kerana pengikut setia "ever ready".

"Ahli Ahli Majlis Tertinggi UMNO" yang berwibawa,berdidikasi, bijaksana,sedia bekerja untuk Negara dan bukan untuk keperluan peribadi semata mata " where have they gone?.

By hizree on December 2, 2008 3:16 PM

Dear Tun,

What is your comment regarding Najib's remarks that there will no return to Mahathirism? I believe that every leader has their own style of administration.. But, it is nothing wrong to follow style of administration which is already proven to benefit the rakyat..i admire Tun's administration ..

By Dilbert on December 2, 2008 3:16 PM

Tun, you have this bad habit of refering to the malays in Singapore as if they were slaves under "ketuanan Non Melayu" in Singapore. Which is a blatant twisting of the facts anyone who cares to look at the situation objectively in Singapore would agree to.

Rather than attempting to use fear of a non existent "ketuanan non Melayu" situation in Singapore, you should be more concerned with the oppression of the Malays and other races by UMNO and their cronies

By jesselabu on December 2, 2008 3:18 PM

Dear Tun,

Kita sama2 lah tunggu apa akan jadi selepas Mac 2009. Jika DSAAB masih berkuasa, kita buat macam Siam. Padan muka dia.

JL

By Bang Charq' on December 2, 2008 3:19 PM

Salam Tun,

Macam Tun kata, Melayu di Singapura secara terancang menjadi hamba kepada bangsa lain i.e ini merupakan kompromi politik, orang Melayu Singapura telah mendapat tempat didalam bidang perniagaan dan pendidikan tinggi. Kerajaan Singapura membenar kewujudan Madrasah (ala SMA disini) yang mendapat bantuan kejaan, masjid masjid dan surau surau diberi perhatian.....tetapi dibayar dengan harga yang cukup tinggi i.e maruah, orang Melayu terpaksa lupakan "political bargaining" dan tidak dibenarkan terlibat didalam penggubalan polisi kerajaan.....kasihan & cobaan (kata kata P Ramlee).

Di Malaysia, sebahagian daripada "grand design" ini nampaknya sudah dilaksanakan, terima kasih Pak Lah kerana menghadiahkan PRU12 kepada orang Melayu. Di Pulau Pinang, Melayu akan dapat apa yang kita hendak selain daripada kuasa politik.....syabas.

Di Perak dan Selangor, konsep "Ketuanan Melayu" telah di "redefine", i.e Melayu jadi MB (Tuan) tapi bangsa lain yang berkuasa.....Hidup Melayu.

Terakhir sekali bila MIC mendesak tindakan diambil kepada Datuk Mukhriz kerana "seditous" bila dia cadangkan ditutup sekolah SJK demi melahirkan bangsa Malaysia, tetapi MIC tidak pernah mendesak tindakan yang sama diambil kepada Hindraf, DAP, MCA, Gerakan, Bar Council yang terang terangan "sedituos".....poorah.

Terima kasih Pak Lah & UMNO kerana hadiah yang tak ternilai ini. Saya cadangkan sejarah Tanah Melayu, Malaya dan seterusnya Malaysia ditulis semula dan dengan keikhlasan Datuk Zaid Ibrahim "he can take the lead into the time tunnel".....tak sedar makan budu.

By doublelovesuicide on December 2, 2008 3:21 PM

salam tun. Jangankan kata seratus, bagi topup telefon rm10 pun depa pangkah jugak... ni calon cawangan punya kes.... hai laaa melayu..

By d'soul on December 2, 2008 3:23 PM

Salam Tun n all chedet.com fans...

Rakyat tidak mahu Pak LahAP, tak kira sebagai PM @ pun sebagai Presiden UMNO...

That's it!!!!

By ^Quarterback^ on December 2, 2008 3:23 PM

Salam Tun,

Saya amat setuju dengan pendapat Tun, Jika Pemimpin Corrupt, nescaya akan tergadai.

Renung-renungkan...

By GEEKHAN on December 2, 2008 3:25 PM

SALAM TUN SEKELUARGA...

PEJAM CELIK-PEJAM CELIK NAK MAI DAH 2009...

MASA BERLALU (SAT JER), UMUR PLAK MAKIN BERTAMBAH...

JIKA 2008 MELAYU MENJADI TIDAK KUAT (LANTARAN DICABAR PELBAGAI PIHAK TERMASUK DARI BANGSA N AGAMA SENDIRI MELALUI KETERBUKAAN YAB AB)TETAPI 2009 - BANGKITLAH WAHAI BANGSAKU.INI NEGARA KITA (TANAH MELAYU)...

JANGAN BIARKAN 'IA' DIJAJAH LAGI WAHAI BANGSAKU (SAMADA DIJAJAH OLEH BANGSA / KAUM SENDIRI ATAU KAUM LAIN).
SUDAH CUKUPLAH ' KITA' DIHINA, DIUGUT, DIANCAM, DICABAR (KEDAULATAN / KETUANAN / HAK ISTIMEWA MELAYU)DI 'TANAH' SENDIRI. TETAPI KINI KITA PERLU BANGKIT
MENYELAMATKAN 'HAK-HAK/KETUANAN MELAYU' DARIPADA TERUS DICABAR/ DIPERTIKAI
OLEH PIHAK TERTENTU...

JIKA HARI INI ' MELAYU ' DIAM DAN ASYIK MEMPERTAHANKAN SAHAJA TANPA BERTINDAK PUN
DENGAN 'PERBUATAN' TAPI HARI INI KITA PERLU BANGKIT' MENYERANG BALAS' APA YANG
TELAH 'DITIDAKKAN' OLEH PIHAK YANG 'DUNGU'. JANGAN LAGI JADI ' ORANG LEMBUT' YANG
ASYIK MENGAMBIL SIKAP ' MEMPERTAHAN' SAJA. SUDAH TIBA MASANYA KITA ' MENYERANG'
PLAK (LIKE TUN SAID)...

KEPADA PIHAK YANG 'DUNGU' YANG ASYIK MEMPERSOALKAN HAK/ KETUANAN MELAYU-
I WANT SAY TO SUPPORT izzy.lang on November 29, 2008 1.37pm) :

1. SEMUA RAKYAT MALAYSIA (MELAYU, CINA, INDIA)YANG WARGANEGARA MALAYSIA NI ' WAJIB' MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PENGANTARA - SAMADA SEMASA BEKERJA SECARA RASMI (KECUALI LUAR DARIPADA MALAYSIA-CAKAP MELAYU SAT LAGI MAT SALLEH PENING PLAK) ATAU TIDAK RASMI DAN DI TEMPAT-TEMPAT AWAM -----(WAJIB)-FULL STOP!

NAK GUNA BAHASA LAIN P BALIK GUNA KAT RUMAH IAITU SESAMA AHLI KELUARGA SAHAJA.

2. SEMUA PENGGUNAAN TULISAN PERLU MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU SAHAJA (KECUALI URUSAN DI LUAR MALAYSIA)----- (WAJIB)-FULL STOP!

3. JAWATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA / KETUA KERAJAAN' WAJIB ' 'DIDUDUKI' OLEH ORANG ' MELAYU-ISLAM ' SAHAJA. X KIRALAH PARTI MANA PUN----- (WAJIB)-FULL STOP!

4. BAGI SESETENGAH AHLI MCA, GERAKAN, PPP ATAU SEBAGAINYA YANG TIDAK PUAS HATI / MENCABAR HAK DAN KETUANAN ' MELAYU' DENGAN KEPIMPINAN UMNO / BN.ANDA DIMINTA KELUAR DARI UMNO / BARISAN NASIONAL/ PARTI YANG DIWAKILI 'HAMPA' SEKARANG JUGAK. TAK PAYAH DOK MEN UGUT2.MINTAK NU MINTAK NI (MELUAT).----- X MAKAN SAMAN K...SILAKAN KELUAR DENGAN SUKACITANYA.

5. SESIAPA SAHAJA YANG BERCAKAP / MENCABAR / MEMPERSOALKAN HAK2@KETUANAN MELAYU DAN MENCABAR INSTITUSI RAJA-RAJA (YANG MENJADI PAYUNG RAKYAT) , 'MEREKA-MEREKA' INI SECARA AUTOMATIKNYA PERLU DI TANGKAP/ DIAMBIL TINDAKAN SEGERA/AUTOMATIK--NO TANGGUH2 / SIASAT KA PA KA K.-----TAK MAKAN SAMAN.

6.DAN BANYAKKKKKKKK LAGI.....

KAMI/RAKYAT TAK MARAH ATAU BENCI PADA 'PARTI UMNO' TETAPI RAKYAT MUAK/MARAH/ BENCI PADA ' AHLI/PEMIMPIN UMNO' YANG RASUAH DAN TAK LANGSUNG BERJIWA RAKYAT..

SAYA HARAP PEMIMPIN2 UMNO BANGUNLAH DARI ' TIDUR' ANDA.
TANAH MELAYU SUDAH DIAMBANG ' KEHANCURAN'.
BERTINDAKLAH SEKARANG. SELAMATKAN TANAH MELAYU KITA.

PEMIMPIN UMNO / MENTERI TOLONG KURANGKAN BERCAKAP TETAPI BANYAKKAN ' BUAT KERJA'.

YANG BAIK HANYA DARI ALLAH, YANG BURUK ITU KELEMAHAN MANUSIA ITU SENDIRI..
SELAMATKAN ' TANAH MELAYU ' DARIPADA PETUALANG BANGSA, AGAMA DAN NEGAR..

PUTERI BALING KEDAH

By selva kumar on December 2, 2008 3:28 PM

Greetings Tun,

that would be the height of all that is ridiculous. the leaders of UMNO must ensure that there is a change or the people will be the agents of a greater change. we cannot have a PM who does not lead UMNO and that too with a firm hand for otherwise the fiasco that the BN is in now will seem like a trailer to a horror movie. even the useless PPP is talking big. all because of the weak leadership.

regards

selva

By PeaceBeUponU on December 2, 2008 3:28 PM

Salam Tun Dan Keluarga,

Selamat menunaikan ibadah Korban. Ada orang tak sanggup nak berkorban. Baru agaknya semalam rasa kerusi empuk sebagai orang paling berkuasa, mungkin rasanya belum puas atau rasanya hilanglah apa yang ada walhal yang nak dibawa ke kubur esok benda yang lain. Kita sepatutnya bersyukur kerana inilah peluang untuk kita diberi masa agar dapat dekat padaNya.

Kalau ya pun banyak lagi agenda perjuangan konon, biarlah orang lain sebagai pelapis yang buat. Tiada apa yang kita ingat kita saja boleh buat. Orang lain pun mungkin lebih berkecukupan dari kita. Korban itu tandanya sayang, kita sayang negara melebihi kerusi empuk pejabat kita. Melayu2 dalam UMNO ramai yang buat2 lupa yang dalam kita nak kalau hendak berjuang untuk parti, agama dan bangsa harus lah menjadi keutamaan. UMNO sekarang hanya pandang imbuhan duniawi. Kedudukan dalam parti dan kerajaan adalah perjuangan yang wajib diteruskan kerana di situlah letaknya kesenangan, kemewahan, kemuliaan di mata rakyat. Tapi, kemuliaan di sisi Allah, akhirnya telah menjadi perkara yang ke sepuluh penting dalam hidup. MasyaAllah, UMNO bukan lagi wakil Melayu lah kalau begini buruk perangainya. Malu orang melayu sekarang nak mengaku UMNO ni Melayu punya kerana dalamnya terdiri dari mereka yang tidak boleh di'repair' lagi. Ular dan sampah ini akan lari ke luar negara bila nanti datangnya penjajah kerana mereka sudah berkemampuan.

Kalau kerusi empuk pun tak sanggup nak beri kepada orang lain, maka payah lah dan merana lah rakyat terbanyak. Sedarlah, kubur kata mari...Seri Perdana kata pergi. Kita sama saja di sisi Allah.

Undurlah kepada semua yang sepatutnya berundur.

By rukumaran on December 2, 2008 3:32 PM

harap2 peralihan kuasa yang dinyatakan menjadi kenyataan..

kami inginkan perubahan..agar semua menjadi kembali kepada asal..

By Putih on December 2, 2008 3:32 PM

Assalamualaikum,

Pertamanya saya nak ucapkan tahniah pada Tun kerana menerima dua anugerah tertinggi – pingat emas kelas satu daripada Shahid Behesti University of Medical Science and Health Services dan ijazah Phd daripada Tehran University of Medical Sciences. Mudahan dengan anugerah ini Tun dapat lagi menjalankan segala aktiviti terbaik bagi umat Islam dan Malaysia khususnya.

Keduanya saya ingin sekali mengucapkan jutaan terima kasih atas jasa-jasa Tun menjadi perdana menteri Malaysia. Yang memajukan negara dalam apa jua rintangan yang melanda negara.

Sampaikan salam saya pada keluarga Tun.

Dari Japan
By akiko on December 2, 2008 3:35 PM

Salam
Satu isu baru bila dikatakan Pak Lah nak kekal...
Tapi jika ahli @ perwakilan melihat kebelakang...
apa sudah jadi pada bangsa dan negara?
Adakah pemimpin ini perlu kita sokong?

Dulu... BEKERJALAH DENGAN SAYA.... BUKAN BEKERJA UNTUK SAYA....
Sekarang?????

Bekerja dengan saya... ikut saja apa yang dikata tanpa berfikir...
Tanpa berfikir tentang bangsa.. negara... yang difikir.. asalkan aku lepas...aku senang... duit akan
ditabur.... asal anak menantu dapat....
Bukan bekerja untuk saya.... BETUL..... bekerjalah untuk anak menantu saya...

Perwakilan mesti bijak... duit bukan lah satu pasport untuk senang..
Perwakilan mesti melakukan sesuatu yang baik untuk generasi akan datang.... tengoklah anak bini
dirumah.. apa nasib mereka untuk tahun-tahun dihadapan... dan tenung-tenung lah MELAYU singapore...
mungkin itu akan berlaku pada kita untuk 10 tahun akan datang...
FIKIR FIKIR KAN.....

Anak DEB.....
By budak sekolah on December 2, 2008 3:39 PM

Assalamualaikum wr. wb. yang berbahagia Tun,

Setuju sangat dengan nota no.15. Bangsa Melayu juga yang menghancurkan bangsa sendiri. Bangsa
Melayu ini tidak baca sejarah
sendiri, sudah berkali-kali dijajah pun tidak sedar diri. Ini minta dijajah lagi ?

Wasallam.
By fortress on December 2, 2008 3:39 PM

Keadaan dalam UMNO sekarang ini adalah paling teruk dalam sejarahnya. Walau pun orang2 Melayu
lemah lembut lemah gemalai tetapi ada ketika2 tertentu mereka akan membuat kejutan. Akhirnya orang2
Melayu akan bersatu kembali samada dipimpin oleh UMNO, PAS atau KEADILAN.
Sejarah menunjukkan orang Melayu taat pada ketua samada pemimpin yang baik atau tidak. Bangsa
Melayu sekarang ini sedang meninjau siapa yang lebih berhak menerajui kepimpinan Melayu - UMNO,
PAS atau KEADILAN. Pertempuran semakin sengit sekarang. Ingatlah bila lemah atau cedera kembali
pada kubu untuk mempertahankan Agama Bangsa dan Negara.SELAMAT BERJUANG.
By budak sekolah on December 2, 2008 3:39 PM

Assalamualaikum wr. wb. yang berbahagia Tun,

Setuju sangat dengan nota no.15. Bangsa Melayu juga yang menghancurkan bangsa sendiri. Bangsa
Melayu ini tidak baca sejarah
sendiri, sudah berkali-kali dijajah pun tidak sedar diri. Ini minta dijajah lagi ?

Wasallam.
By nmjnhAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:45 PM

Tun,
Semua orang sedia maklum yang RASUAH itu salah. Namun, kebanyakan orang yg terlibat tidak mahu
bekerjasama memberi maklumat untuk membanteras gejala ini.

Tun sendiri yang mengaku mempunyai senarai nama, namun tidak mahu membuat laporan polis. Bagaimanakah rakyat yang kecil kuasanya akan berani menonjolkan diri memberi kerjasama jika kes yang besar dan cukup maklumat tidak dibawa kemuka pengadilan?

Balik-balik hanya ikan bilis sahaja yang ditangkap dan didakwa, sedangkan ikan jerung bebas berleluasa.

<http://nmjnh.wordpress.com/2008/11/28/anwar-kecam-sikap-tidak-bertanggungjawab-tm-miti-malaysiakini/>

<http://nmjnh.wordpress.com/2008/12/02/umno-lega-jika-ppp-keluar-bn-malaysiakini/>
By hamzah on December 2, 2008 3:46 PM

akum tun dan pembaca semua yg beragama islam.sedih rasanya bila membaca tulisan tun yg bahawa satu hari nanti org melayu di tanahair mereka sendiri menjadi hamba pada bangsa lain seperti yg berlaku di singapura.kenapa jadi mcm tu?sebab pemimpin melayu yg di pimpin pak lah ni lah yg menghancurkan apa yg di bina oleh datuk nenek moyang kita sejak dulu lagi.kenapa kita di jajah dulu kerana org melayu lemah.mau kah kita di jajah sekali lagi tapi dgn kelemahan kita sekali lagi.sedih bila memikirkan perkara itu terjadi.jadi berstulah wahai org melayu

By leejeponAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:51 PM

Salam Wat Tun Sekeluarga Yang dikasihi.

1. Tun, saya setuju dengan pe yang Tun katakan. Kebarangkalian itu tak mustahil akan berlaku, sebabnye kalau PL nak letak jawatan tak payah tunggu sehingga bulan mac, dia boleh letak jawatan dengan segera kalau dia dah tahu orang dah tak suka kat dia lagi. Memang ada desas-desus kedengaran yang PL ni nak tengok dan pastikan yang 'anak hantu" dia menang KP nanti. Dan tak mustahil juga Tun kalau nanti dia kata rakyat masih memerlukan dia lagi.
2. Tun, ni nak habaq la, skang ni PKR telah dengan senyap dan sedang berjalan dia punya rancangan menyusup dan telah mempengaruhi dan menarik orang-orang yang kecewa masa mesyuarat bahagian hari tu untuk join dengan depa. Dan diketahui juga orang-orang yang kecewa ini berura-ura akan menyertai mereka. Apa pandangan Tun?
3. Tun, apa pendapat Tun pula tentang parti2 Barisan yang mengugut nak keluar dari Barisan jika tuntutan mereka tak dipenuhi. Bagi saya, mereka ni memang kurang ajar dan patut disingkirkan je, juga suruh mereka2 ni balik ke negara asal mereka. Nak tengok boleh tak mereka tuntutan dan dapat dari kerajaan negara asal mereka.
4. Tun, saya sokong cadangan Tun nak tunjukan nama2 perasuah2 yang tak sedar diri tu kalau boleh dengan buktinye sekali. Saya geram pasal adalah pulak menteri yang kata jangan...apa sebab dia kata jangan? Kalau diri rasa tak bersalah apa nak takut. Hanya orang yang bersalah saja akan berasa takut, jadi Tun, saya nak Tun teruskan niat Tun tu.
5. Tun, tujuan Tun tu saya percaya bukan hanya semata-mata nak menjatuhkan maruah seseorang itu tapi saya tau Tun lebih sayang masa depan maruah anak bangsa melayu kita nanti. Ala Tun, meraka mana ada maruah. Macam Tun Kata, mereka tak peduli pe nak jadi dengan parti asalkan niat busuk mereka berhasil. Saya nak tanya Tun, Perasuah2 tu ada maruah ke Tun?
6. Tun, sayugia diingatkan pada orang2 melayu kita bahwa 'orang2 luar' sedang melihat dan menunggu kita tersungkur dengan bantuan orang2 melayu kita jugak. Tidak ingatkah mereka sejarah lama melayu melaka dulu? Saya merasa sedih dan takut pe akan terjadi kalau parti pembangkang menang PLRU13 nanti sedangkan sekarang pun mereka tak ubah seperti 'pak kaduk naik junjung'.
7. Tun, Kalau lah Tun masih lagi PM kita, saya percaya perkara2 yang saya sebut tadi tak akan mereka berani nak buat. Biar lah mereka gelarkan Tun sebagai diktator tapi mereka lah yang bodoh sebenarnya,

mana ada diktator negara dia terkenal,makmur, aman damai,maju malah dihormati seperti negara kita.

Tun, tak ingin kah Tun nak masuk balik dalam politik dan berada dalam kabinet supaya otak Tun yang bijak tu diguna pakai oleh menteri2 yang tahu hanya bercakap je tapi tak turun padang.

Tun, jaga kesihatan Tun sama naa....salam.

By zj on December 2, 2008 3:51 PM

Salam Tun,

Tak jumpa lagi nak cari pemimpin Umno yg sama macam zaman Tun dulu. Sekarang orang berebut untuk jadi pemimpin Umno kerana nak kaya, dapat pangkat lagi dan dapat projek besar besar dan dapat habuan berjuta-juta, itulah yg kita dengar. Dgn habuan itu, pemimpin ini akan bagi rasuah politik utk kekalkan jawatan. Nasib Umno sudah berkerak tebal dgn material dan wang ringgit. Salam dan semoga Tun panjang umur.

By mohamad ridzuan ismail on December 2, 2008 3:52 PM

Salam sejahtera buat tun.

semoga tun sihat selalu....

By hamzah on December 2, 2008 3:53 PM

sebenarnya org melayu sekarang perlukan seorang jeneral yg tegas,bijak dan pandai mengatur strategi.di sebabkan lemahnya jeneral sekrang tu la puncanya org melayu sekarang berpecah dan bercakaran sesama sendiri.hanya kerana rm100 pun sanggup menjual maruah bangsa apa yg jeneral buat sekarang tuk mengatasi nya.tiada apa apa pun sebab dia pun x reti janji perut dia sendiri dah kenyang.lu pikir lah sendiriii...

By phaidee on December 2, 2008 3:53 PM

PM untuk 24 juta rakyat Malaysia, yang hanya dipilih oleh 2000 orang yang mewakili parti yang mendapat undian tidak sampai 40 % populasi Malaysia...

By sangtawalAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:53 PM

salam tun.

semoga negara ini aman dari pencuri dan perasuah.

manusia mudah lupa bila berada diatas,tetapi mudah terasa bila sudah dibawah,namun yang paling kesian ialah orang mabuk kuasa yang jatuh ditimpa tangga.

tun ,bila dah mereka selalu makan dari hasil rasuah,hati mereka sudah kelam,hitam dan jadilah mereka bodoh sombong dan mudah dikuasai dunia.

<http://www.singtawal.blogspot.com/>

By mohamad ridzuan ismail on December 2, 2008 3:53 PM

salam sejahtera buat tun,

semoga sihat selalu...

By apitAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:56 PM

walau macammanapun,Pak Lah lebih gentlemen.Dia tidak hentikan pemberian royalti minyak di Terengganu seperti mana yang dilakukan oleh Che Det.Perniagaan Scomi Group tidak semuanya di dalam negara seperti syarikat Mukhriz-Opcom yang mendapat tender Telekom.Cuma Che Det bernasib baik,di zaman Che Det memerintah minyak sekitar US35 setong tapi zaman Pak Lah jauh lebih tinggi.Che Det banyak kritik Proton,tapi saya tengok Che Det tak pandu kereta proton pun.Saya nampak Che Det pakai kereta Wagon.So,you are not honest when speaking.

By saidshikin on December 2, 2008 3:56 PM

Akum Tun

Hoping you are in the good health and congratulation regard the honourship which been awarded to you recently. What i can say here, we are still looking the leader like you to lead this multi-racial country which is bright, ambitious, firm, brave and confident. May Allah bless u Tun and longer live. We all still need your ideas and advise for good of rakyat and make myself and others more confident.
By tukang_dok_peghatiAuthor Profile Page on December 2, 2008 3:56 PM

ASSALAMUALAIKUM dan SALAM SEJAHTERA..

Nampaknya Tun juga kurang YAKIN dengan peralihan kuasa pada Mac 2009.. Saya juga begitu.. Saya masih ingin tahu kenapa Pak Lah tidak melantik DS Najib sebagai 'Pemangku Perdana Menteri' seperti mana yang Tun buat kepadanya? dSeharusnya DS Najib patut diberi jawatan Pemangku Perdana Menteri dari sekarang hingga Mac 2009..

Saya khuatir Tun akan 'DISERANG' lagi oleh ahli-ahli UMNO sekiranya Tun buat kenyataan sebegini - yang dianggap oleh mereka sebagai campur tangan Tun terhadap UMNO.. Nak buat macam mana kalau mereka dah tak nampak jasa Tun terhadap UMNO, Bangsa, Agama dan Negara..

Jemput masuk dan bagi KOMEN dalam Blog saya:-

<http://sensecredaccountability.blogspot.com/>

Wallahualam..

By js.ahmad on December 2, 2008 4:00 PM

Assalamualikum Tun, semoga ayahanda tun sihat walafiat.
merobah sikap sebahagian pemimpin umno yg da terbiasa dgn amalan rasuah ini memang la amat sukar, kerna perlakuan ini sdh lama d amalkan, perkara yg sdh lama d amalkan, lama2 menjadi budaya. maka bila sdh jadi budaya amat sukar untuk d bendung. apa yg kita boleh buat sebagai rakyat hanya la berdoa kepada Allah agar para pemimpin umno d beri petunjuk demi untuk agama, bangsa dan negara. Aminnn....

By amj on December 2, 2008 4:02 PM

Buat pertama kali saya kurang setuju dengan andaian Tun. Amat mustahil DS Najib mahu melakukan ini.Pandangan Tun agak terlalu menyimpang dari realiti.

By Rubbish on December 2, 2008 4:02 PM

"hamba" kepada kaum-kaum lain- arent it too subjective?

Even if one is strong physically and very much educated but if he/she is not RICH (have \$), no doubt he/she will become slaves to others who are. This does not matter the colours.

Probably this is the difference in thinking of a country leader and a business minded person?

By affi on December 2, 2008 4:03 PM

Salam Tun...

Saya tak pernah terpikir la pulak, yang ada kebarangkalian untuk Pak Lah terus menjadi PM dan Dato' Najib hanya sebagai Presiden UMNO.. Tp dlm politik apa pun boleh berlaku, terutamanya sekarang, dimana duit rasuah dan politik wang bermaharaja lela.. tetapi mmg sgt bodoh dan jahil lah seluruh warga UMNO dan juga para pemimpinnya jika Pak Lah terus menjadi PM..

Sudah - sudah lah Pak Lah, hang dah kaya raya, anak hang dah bilionaire, menantu hang dah kaya meliana, hang nak apa lg, nak tgk bangsa, agama dan negara tergadai baru hang nak puas hati??

Kepada penyokong Pak Lah tu, cuba tgk balik, hang pa duk sokong apa selama ni, Islam Hadari?? Koridor2?? Apa pun tak dak, duit dah banyak habis, tp untuk manfaat rakyat, tak ada.. Yang duk sokong Pak Lah ni lg teruk, jahil murakab..

Kepada Menteri - menteri Pak Lah, kalau ketua hampa tu bodoh sgt, jgn la ikut, ni duk ikut membabi buta, sampai nak munafiq dah ni.. taubat2 la wei..

yang benar,
affi

By js.ahmad on December 2, 2008 4:03 PM

Assalamualikum Tun, semoga ayahanda tun sihat walafiat.
merobah sikap sebahagian pemimpin umno yg da terbiasa dgn amalan rasuah ini memang la amat sukar, kerna perlakuan ini sdh lama d amalkan, perkara yg sdh lama d amalkan, lama2 menjadi budaya. maka bila sdh jadi budaya amat sukar untuk d bendung. apa yg kita boleh buat sebagai rakyat hanya la berdoa kepada Allah agar para pemimpin umno d beri petunjuk demi untuk agama, bangsa dan negara. Aminnn....

AJ SALALI
KOTA KINABALU
SABAH

By seridewi on December 2, 2008 4:05 PM

Letih Ayahanda bila cakap bab mende .. payah cakap dengan org tak reti bahasa atau buat2 tak tau .. kulit muka tebal . Bukan tak tau rakyat dah menolak dia.

Ahli UMNO pun satu hal lagi. Tak sedar2 dah kalah 5 negeri masih lagi bergaduh sesama sendiri , berebut kuasa dan jawatan . Nak sgt jadi ketua bukan ikhlas untuk berjuang demi agama dan bangsa tapi sebab nak kaya dan kuasa . tengok dengan apa yg berlaku dgn UMNO permatang pauh ... bergaduh sesama sendiri , berpecah kerana tak sependapat dan berebut pengaruh . Sudahlah sedarlah UMNO Pulau Pinang dah kalah tapi mereka masih lagi diulit dengan kepentingan diri sendiri , kedangkalan fikiran dan kebodohan masing-masing sedangkan bangsa lain bersorak .
By umipah on December 2, 2008 4:06 PM

Salam, Tun

Sungguh ka ni? Amat menakutkan. Mintalah orang Melayu sedar sikit. Asyik-asyik sibuk poket sendiri, Jangan jadi pemimpinlah.

Apabila dah terjual negara, baru nak terkejut. buat apa? Fi'il sudah terantuk baru tengadah, dah tak boleh pakai lagi. Rugi. Yang hilang sukar dicari ganti.Tak boleh dah pasal tak mampu dah.

Bila dikaji, memang benar senario sekarang, ketua tak semestinya menjadi menteri besar atau ketua menteri. Satu yang pasti, orang Melayu tetap dalam kerugian tak kira siapa saja jadi pemimpin selagi orang Melayu tak bersatu, tak jujur, tak pegang janji dan banyak lagi taknya. IMAN mesti kuat.
By andi70Author Profile Page on December 2, 2008 4:06 PM

salam tun,

spot on again!

raya aidil fitri Tok Det buatlah rumah terbuka sekali lagi di mines. raya puasa hari tu terlepas!
By izzy.lanng on December 2, 2008 4:08 PM

salam tun,

MASA PERHIMPUNAN TUN HARUS BERUCAP KEPADA SEMUA PERWAKILAN SEBELUM PEMILIHAN DIBUAT.....MASA TUN BAGI AYAT POWER2 SIKIT.....BIAR MERAH TELINGA DIA ORANG

SALAM

By killerloop on December 2, 2008 4:08 PM

Tun dearest

Perhaps u should now disclose who they are.

Wishing u good health & please take us out of the mess created by Dol & his family.

God save us all.

By nrsrwheikAuthor Profile Page on December 2, 2008 4:08 PM

you are absolutely right Tun..what we see now also disgusting..there are so many questions are asked about the malays and islam which no body dare to ask in your time..what we have acheived in the past 50 years are been demolished in the past 5 years..is the malays and muslims don"t have eyes to witness???. do they have ears to hear what is been spoken all over the country ???...do they have the guts to encounter this well planned attack??what happened to all the jaguh-jaguhs who are branded themselves as protecters of malays and islam...my dear beloved TUN, please tell them, dignity & respect is much more valuable than money...

By LYS on December 2, 2008 4:08 PM

saya tidak setuju dengan kenyataan Tun

"Bagi mereka ini generasi akan datang akan kutuk mereka apabila orang Melayu di Malaysia sudah jadi seperti orang Melayu di Singapura di mana mereka menjadi "hamba" kepada kaum-kaum lain"

seperti yang ternyata dalam perlembagaan Malaysia, hak semua kaum akan terpelihara dan dijaga. Tiada sesiapa yang akan jadi hamba kepada sesiapa, kita semua anak Malaysia dalam satu keluarga, tiada siapa boleh pinggirkan siapa, kerana kita semua memerlukan antara satu sama lain demi menghadapi cabaran dunia global.

By nawawimohamadAuthor Profile Page on December 2, 2008 5:48 PM

Please expose the names of those involved in money politics in UMNO. But like Isa Samad those being exposed will put on their thick skin to contest back in the UMNO elections. Isa Samad is a bad example. He has got what he wanted and had been found guilty and yet he is not ashamed to be active again in the elections. Muhammad Muhammad Taib is another fella whom everyone knows his encounter with the Australia immigration department carrying a lot of money. What kind of people is UMNO patronising? The MCA has got the Soi Lek video morality issue and yet he is quite vocal nowadays. BN is doomed.

By kobe on December 2, 2008 5:49 PM

Tun,

1. Memang telah jadi adat manusia untuk pertahan kuasa, harta, dan sebagainya selagi mana ia mampu. Amerika misalnya, masih cuba mempertahankan 'Bretton Woods System' mereka meskipun ia hampir gagal. Ini dapat dilihat dengan terlantiknya Barrack Obama sebagai Presiden kulit hitam pertama Amerika, tanda protes rakyat terhadap pemerintahan tidak adil sebelumnya. Rakyat berasa bimbang tentang kegawatan ekonomi Amerika yang gah itu.

2. Mungkin pemimpin UMNO masih beranggapan mereka masih berdaya meneruskan karier mereka. Wang dijadikan alat untuk kekal dalam jawatan. Apakah rakyat tidak memerhatikan semua ini?

3. Benar, dulu masih ada rasuah. Fokus untuk kemajuan negara lebih utama dari politik wang. Berita-berita utama penuh dengan kejayaan Malaysia. Rakyat sungguh bersemangat. Orang luar menaruh kepercayaan dan keyakinan yang tinggi kepada kita.

4. Sekarang, tidak lagi. Laporan tentang rebutan kuasa lebih banyak. Hal ini memberi gambaran buruk kepada rakyat. Dasar terbuka dan saksama memang bagus. Ia memberi peluang kepada semua untuk bebas memberi pendapat dan idea. Ia juga memberi peluang kepada musuh mendedahkan kelemahan kita. Cuma, adakah kita mampu bertahan dengan asakan musuh yang hebat?

5. Rakyat negara ini tidak agresif seperti negara luar. Lihat India umpamanya, kisah pembunuhan rambang oleh militan amat dahsyat. Mahukah kita hidup seperti itu. Sudah tentu tidak. Perselisihan pendapat mestilah diselesaikan dengan berbincang. Orang melayu masih bersabar. Sabar pun ada hadnya.

6. Jikalau UMNO gagal menjadi tunggak politik orang melayu dan orang cina mengambil alih pemerintahan, kami tidak akan berdiam diri. Tanah semenanjung tidak akan jadi Singapura kedua. Kematian akan berlaku di kedua belah pihak. Kita akan dikenali sebagai negara harmoni yang gagal. Pihak penjahat akan kembali dan mentadbir kembali.

7. Mungkin begitu adalah lebih baik. Segala yang dikecapi akan musnah. Tiada lagi hak istimewa dan ketuanan melayu. Bangunan berkembar tetinggi dunia itu akan jadi momokan dan bahan hinaan. Bersedialah untuk hadapi segala kemungkinan. Inilah masanya untuk orang melayu bersatu padu. Sekian, Wasalam.

By Azmle_(",)Author Profile Page on December 2, 2008 5:53 PM

Salam tun, saya rasa Melayu tidak jatuh tidak bukan Melayu. Melayu jatuh ditangan Melayu. Kenapa ya?
By Mat on December 2, 2008 5:54 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya rasa bukan negara tertunggu-tunggu, tapi sebaliknya seluruh negara terpaksa menunggu. Mac 2009 memang akan datang walau tidak di tunggu tapi rakyat terpaksa menunggu untuk Pak Lah turun. Sedih & risau kita.

Negara semakin parah, BN makin parah, orang Melayu semakin ditekan. Nampak gayanya sekarang kita tahu siapa rakan dan siapa bukan dlm BN. Masihkah kita ingat siapa yang menolong ketika MCA dilanda gelora di zaman Tan Koon Swan dulu? Tetapi bila UMNO dlm keadaan sekarang, bukan sokongan diberi malah Ketuanan Melayu dihimpit!

Melayu ini tidak mudah lupa, Tun. Dan, insyaAllah, Melayu ini akan bangkit membela.
By khairulnazriAuthor Profile Page on December 2, 2008 5:56 PM

Salam TDM,

1. Entah berapa kali Tun menyampaikan peringatan seperti diatas. saran serta panduan jalan keluar sudah Tun nyatakan secara terperinci. Namun, kita bangsa Melayu masih tidak sedar, masih tidak peka akan kemusnahan yang bakal dihadapi.

2. Seperti Tun nyatakan bahawa peralihan kuasa UMNO pada Mac 09 nanti hanya kepada jawatan Presiden UMNO dan tidak dinyatakan bersama jawatan PM sekali. Secara logiknya, Pak Lah masih tetap akan menjadi Perdana Menteri. Mainan tarik tali tetap akan berlaku dan jelas sekali bangsa Melayu akan

menjadi mangsa serta pasti terus berkecamuk samada dari segi perjuangan politik, survival bangsa, penindasan bangsa lain dsbnya.

By Lee NS on December 2, 2008 5:57 PM

Assalamualaikum Tun berdua,

Saya ni ambil sikap berkecuali dalam bidang politik walaupun saya jadi ahli UMNO. Akan tetapi dalam hal hak sebagai warganegara, saya mengambil satu perkara yg serius sekarang ni kerana banyak sgt benda yg berlaku dlm negara kita Malaysia baik segi politik, agama, kaum, ekonomi tidak di bincangkan secara betul.

Masing-masing yg di atas salah menyalahkan antara satu sama lain. Nasib raayat macam tu jugak. Dalam keadaan negara sekarang ni berlaku nya banjir dan kemelesetan ekonomi, raayat tambah derita tapi orang di atas tidak merasa kesan nya.

Pandangan saya, raayat ni jgn di ketogori kan orang kerajaan dan swasta sebab semua nya hadapi masalah yg sama. Akan tetapi kerajaan cuma lihat keperluan orang yg kerja kerajaan tidak menyeluruh. Seolah-olah orang kerajaan susah, tersepit.....apa yg kita lihat orang kerajaan tidak pernah bersyukur rezeki yg mereka dapat.

Macam Nabil kata .."LU FIKIR LAH SENDIRI" JGN BURUK KAN ORANG LAIN FIKIRKAN CARA NAK SELESAIKAN MASALAH.

ORANG POLTIK SEMUA SAMA.....

By BOB IPOH on December 2, 2008 5:57 PM

Salam Tun,

Memang ada asas untuk kebimbangan yang diusulkan oleh Tun, tetapi adakah dengan tindakan Tun menghentam dengan pentadbiran Pak Lah boleh menyelesaikan masalah? Pada pandangan saya, penyakit rasuah adalah musuh negara bukan UMNO saja. Tetapi UMNO should take the lead in this war! Persoalannya ialah ahli-ahli UMNO sejak zaman Tun dulu pun boleh dibeli dengan senangnya. Sekarang dengan adanya pilihan politik untuk orang Melayu, maka ianya akan kurangkan amalan buruk ini. You know what, walaupun zaman Tun ada rasuah but you have also created many melayu who professionals who don't subscribe or practise rasuah. SAYA TETAP YAKIN BAHAWA MALAYSIA AKAN DITERAJUI OLEH ORANG MELAYU ATAU SEKURANG-KURANGNYA ORANG ISLAM!

By mansplanet on December 2, 2008 5:59 PM

memang ada benarnya..UMNO perlu menolak golongan perasuah walaupun ia hanya sejempit saja.proses pemilihan perlu diubah iaitu undi menggunakan online dan melibatkan 100% ahli UMNO. biar suara UMNO ditentukan oleh ahlinya. kepimpinan UMNO gagal memahami suara rakyat melayu kerana menempelak TUN tanpa memberi peluang. semua usaha TUN dianggap sia-sia dan cara TUN dianggap zalim dan tidak demokratik sedangkan merekalah yang banyak mendapat faedah hasil kemakmuran negara.HINDRAFpun bermaharajalela kerana PAK LAH lembap, terlalu terbuka sehingga pembangkang pun suka hati kerana mereka boleh merencanakan pembohongan,fitnah dan tuduhan melulu pada kerajaan sekarang dan segala jasa-jasa UMNO dulu. semoga Melayu sedar dan tidak lupa diri.

By Mas Merah on December 2, 2008 6:04 PM

Salam Tun dan pembaca semua,

Kenapa pemimpin dan penyokong UMNO perasuah?

1 mereka pentingkan diri sendiri

2 mereka tak tahu erti "Melayu Mudah Lupa"

3 mereka hendak dirinya dan seluruh Melayu jadi hamba di negaranya sendiri

4 mereka tak percaya yg parti sekuat dan sebesar UMNO boleh tumbang

5 mereka tamak, dan ketamakan mereka hanya akan berakhir bila dah masuk tanah ke dalam mulut nanti(bila dikuburkan nanti)

6 mereka bodoh, cuba perhatikan siapakah sebahagian besar drpd perwakilan UMNO
7 mereka ada agenda sendiri untuk tembolok sendiri
8 PENULIS BENCI PEMIMPIN UMNO DARI DULU KERANA PENULIS DAPATI RAMAI PEMIMPIN UMNO TAK BETUL PERJALANANNYA. DENGAN ITU PENULIS MENGAMBIL KEPUTUSAN TAK PERGI MENGUNDI. WALAUPUN DALAM HATI UMNO TETAP BERSAMA SELAMA-LAMANYA.UMNO TAK BERSALAH TAPI PEMIMPINNYA YG BERSALAH KALAU PUN TIDAK SEMUA
9 YA ALLAH HAMBAMU MENADAH TANGAN "PERBETULKANLAH PEMIMPIN UMNO YG TELAH TERSASUL ITU DAN KEMBALIKAN MEREKA KE JALAN YG BENAR"

By lanbaba on December 2, 2008 6:05 PM

Salam untuk Tun semoga sentiasa sihat dan diberkati Allah swt. agar dapat terus memberi harapan kepada kami yang mencintai Malaysia.

Penyakit Rasuah ni macam kanser.Tun pernah mengatakannya dulu.Saya rasa untuk menghapuskannya 100% amatlah susah tapi mengurangkannya boleh sekiranya semua pihak benar-benar ikhlas dan serius mahu melakukannya.Saya juga rasa susah nak jumpa seorang pemimpin yang tidak terlibat dengan rasuah. Kalau dia tidak memberi atau menerima rasuah ,mungkin transaksi dilakukan melalui proxy.

Malangnya Pencalonan Pemilihan UMNO kali ini sudahpun berlalu. Paling saya pelik TSMohd Taib dan DSAlI layak bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO.Macam manalah otak fikiran ahli-ahli UMNO sendiri.Seorang calon pernah ada kes di Australia,yang sorang lagi bertutur dalam Bahasa Inggeris pun berterabur.Seorang calon mengatakan ciri kesetiaan pada parti dan sorang lagi dapat back up dari PakLah ,tiba-tiba mendapat pencalonan dan terus layak untuk bertanding.

Secara tradisi Timbalan Presiden UMNO akan menjadi Timbalan Perdana Menteri.Fikirlah masak-masak mereka yang terpilih nanti akan kepentas antarabangsa mewakili negara sebagai TPM.Adakah UMNO dah ketandusan pemimpin yang berkaliber dan berwibawa?

Kebanyakan ahli-ahli UMNO masih tak bangun lagi,tidak matang dan memalukan. Senang dikotakkatik dengan wang.Di peringkat akar umbi ni istilahnya mungkin bukan rasuah tapi menerima pertolongan dari mereka atau konconya yang nak bertanding.Pertolongan yang dapat meringankan beban kononnya.Ahli-ahli Cawangan/Bahagian UMNO yang lambat bermesyuarat semasa Pencalonan pastinya "maasyuok" sampai sendawa.

Apalah nak jadi dengan orang Melayu khususnya ahli-ahli UMNO. Ingatlah apa-apa perbuatan dan keputusan yang kamu buat dalam parti secara langsung dan tidak langsung akan menentukan hala tuju orang Melayu.Jangan jadi ahli UMNO tapi tidak tahu dan tidak peduli dengan tanggungjawab kamu kepada bangsa Melayu.Manalah letaknya iman kamu orang Melayu yang beragama Islam.

Umno perlu membuat rombakan dan perubahan yang menyeluruh.Bukannya seperti buat modification kereta luaran saja seperti tukar sport rim, tayar 60 siri ,exhaust pipe 6 inci TAPI enjin,gearbox,exhaust system masih sama.

Are DSNajib and TSMuhidin clean? I doubt. But I think both of them are capable leader to lead the country towards 2020, better still with TUN's guidance.

By zana on December 2, 2008 6:08 PM

Assalamualaikum YB Tun,
Bagaimanakah cara paling berkesan untuk menyampaikan mesej kepada DSAAB supaya beliau mengerti kehendak majoriti rakyat yang tidak mahu beliau menjadi PM lagi?Apakah cara lain selain pilihanraya,berdoa,menghantar kad hariraya(dengan mesej supaya berhenti),melalui blog dan lain-lain yang mmembolehkan beliau cepat turun dari'Tahta'.Pening kepala sungguh,mengenangkan kedegilan

beliau. Tetapi saya masih berdoa, semoga beliau akan berundur.
Negara ini memerlukan seorang pemimpin yang tegas, bijak, produktif dan bersemangat waja seperti Tun. Bahaya bagi negara ini yang berbilang bangsa mempunyai pemimpin tidak tegas dan tidak bijak seperti beliau.

Jauhilah pemimpin rasuah dan elakkan diri daripada perkara ini.
Saya berdoa, semoga Tun dikurniakan kesihatan yang baik untuk memperbetulkan parti Umno dan BN demi negara tercinta ini. Saya berasa sedih dan bersalah, kerna sepatutnya pemimpin yang lebih muda meneruskan perjuangan parti dan negara secara bersih, tetapi kepada siapa lagi harus kami mengadu, kerana bagi kami Tunlah antara pemimpin yang boleh menguraikan kekusutan ini. Harapkan pembangkang, pandai bercakap dan membangkang dan tunjuk hero, kerja HANGUS!

Semoga Tun Dirahmati Allah dan tenang selalu.
By jadi on December 2, 2008 6:21 PM

Assalamualaikum Yg Berbhg Tun Dr Mahathir,

Sememangnya semasa menonton TV, saya melihat bagaimana Pak Lah masih cuba menonjolkan diri. Saya kata kepada isteri saya semasa menonton " Sudahlah, bagi kat Najib pulak. Sekarang dah terlambat dah. Orang dah tak suka"

Tiba tiba Tun menulis bahawa ada angin angin yang menyatakan si Dollah ni nak terus kekal berkuasa. Saya harapkan angin angin ini berlalu pergi sahaja dan tidak betul.

BN akan kalah di semua negeri sekiranya Pak Dollah kekal memerintah Malaysia.

Saya doakan Tun kembali di beri tempat dan dihormati semasa pemerintahan Najib nanti.
By biso bonarAuthor Profile Page on December 2, 2008 6:27 PM

Salam Tun
Orang Melayu memang sentiasa pelik. Bila Malaya diperintah oleh British depa kata Jepun lagi baguih merintah. Bila merdeka depa kata, orang puteh perintah lagi baik. Nanti tengok la pulak bila bukan BN perintah, depa kata BN lagi baguih merintah. Pasai tak nak hargai, depa dapat pelemgang Jepun, lepas merdeka depa dapat selipar Jepun. Orang Melayu pandai kritik, tapi tak pandai nak jaga hak sendiri, depa selalu nak untung sekarung tapi rugi seguni. Tunggulah bila ramalan itu terjadi barulah depa ni dok terngadah.....
By annie on December 2, 2008 6:28 PM

Tun,

I fully supported Mukhriz idea of national school. What is wrong for all malaysians to go to the same type of school? Then each race can go for extra classes like Chinese, Tamil or Ugama if they wish to.

I see many chinese want to fight for equal rights and equal treatment and yet they do not want to accept malaysian ways of doing things.

Learning an extra language is a good thing but I think the country's national language should come first so what's the big deal if all malaysian attend the same national school. What kind of equality are they talking about, if they cannot accept they are malaysian. I think only those non-malays who truly accept they are malaysians have the right to speak about equality. The rest can just shut up.

By Dr.Siddiq AzaniAuthor Profile Page on December 2, 2008 6:32 PM

Tun, if you can stand the heat, i dare you to read this without even smiling or laughing..heheh

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/12/01/kisah-ahli-nujum-yang-bodoh/>
By 123Author Profile Page on December 2, 2008 6:32 PM

salam tun..saya amat kecewa dengan pemimpin umno..saya muak tengok paklah..gila kuasa apeke halnya duduk kat kerusi pm tu kalau secara moral tak boleh function seperti pm..apake hal najib tu boleh duduk rilek je tunggu paklah turun..konon ikut tradisi..memang tak layak jadi pm..jika diberi undian langsung oleh rakyat gerenti najib tak layak jadi pm..seorang yang tidak boleh membawa apa-apa kebaikan untuk umno..konon tak nak lawan tokey..
saya tak tunggu pilihanraya akan datang..pemilihan di sabah dan sarawak akan jadi bukti samada UMNO/barisan masih ada kuasa atau tidak untuk menarik pengundi..selamat tinggal umno,selamat tinggal bn..kau lebih pentingkan perut sendiri dari nasib negara dan rakyat.semoga ingatan kehebatan umno zaman tengku abdulrahman ke zaman tun menjadi sejarah gemilang untuk orang melayu..selepas ini makin ramai orang melayu masuk pkr..bukan sebab bagus..tetapi seperti lagu FRANCISCA PETER.."kerna terpaksa aku melangkah pergi...kerna terpaksa ku larikan diri..kerna terpaksa ku tak cinta lagi..kerna terpaksa ku menjadi benci..jangan kau lupa..kenangan kita..melayu yang gemilang menuju kehancuran..kerna terpaksa..ku undurkan diri.."
By HouseWife™ on December 2, 2008 6:35 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, jika UMNO masih lagi dengan sikap tidak mahu dengar nasihat Tun untuk menjauhkan diri dari rasuah dan memlempar jauh-jauh perasuah dan perosak UMNO, maknanya mereka ini pengkhianat bangsa dan negara. Mungkin tidak terlambat untuk pejuang-pejuang, pemuda dan pemudi yang masih sayangkan UMNO bangkit dan menyuarakan pendirian mereka dalam usaha membersihkan rumahtangga mereka dan menyingkirkan mereka yang telah mencemarkan bangsa mereka sendiri. Kenapalah tamak sangat harta, jawatan dan pangkat? Kenapalah tidak boleh berjuang kerana agama, bangsa, negara dan rakyat? Kenapa?

Saya sedih mengenangkan semua ini. Nak tunggu PRU akan datang jauh lagi. THE CHANGE MUST START NOW!

Eeeee....tak boleh bayang kalau rakyat bangkit macam mereka di negara Thailand. Berjaya pun mereka kan. Itulah suara rakyat yang cintakan negara. Tun, kalau rakyat disini ikut berjuang cara mereka Tun setuju kah? Tak sukalah kalau negara ini huru hara. Saya hanya ingin anak-anak saya hidup dalam keadaan selamat, aman dan damai di negara tercinta ini sebelum saya lelapkan mata.

Well Tun I cannot say anything more cos I'm not the expert, can only give what I feel. Anyway I get lots of feedback from regulars like samuraimelayu, kamal ahmad, HBT, Jimmy Hillhead and the likes. May God bless them all.

Tun, take very good of yourself and May Allah Look Upon You Always.

p.s. Tun, tak kisahlah ada orang tu kata peminat Tun tak ada otak ke, ikut je cakap Tun ke, tak pandai beri idea ke, macam apa tu ...kurap. Orang ni tak layak dok dengan manusia pun haiwan, dok kat planet yang tak ada benda hidup kot. Tentu dia happy sebab tak ada benda yang ganggu otak dia.
By shahrul on December 2, 2008 6:44 PM

well, may be somebody need to take over the KLIA, LCCT, Subang & Sg Besi Airport! Btw, why nowadays we see many news about malays vs malay, the non-malays vs malays are projected as a big issue?

By ,Melayu merantau on December 2, 2008 6:44 PM

Ayahnda Tun

Sekian lama ayahnda menjaga UMNO sepnjang 22 tahun memimpin UMNO akhirnya tumbang juga akibat kelibat Pemimpin AAB..UMNO bukan selama-lamanya melainkan AAB turun segera.

Salam

By breedlove on December 2, 2008 6:54 PM

Assalamualaikum Tun dan para bloggers

Ingin sekali saya menyentuh tentang pendapat saudara atau mungkin jugak saudari SamuraiMelayu(dengan nada/cara pendapat disampaikan) seperti berikut:

SALAM AYAHANDA RAKYAT
IZINKAN,

15. Bagi mereka ini generasi akan datang akan kutuk mereka apabila orang Melayu di Malaysia sudah jadi seperti orang Melayu di Singapura di mana mereka menjadi "hamba" kepada kaum-kaum lain. Inilah nasib yang menunggu orang Melayu kerana lebih sedia disogok daripada mempertahankan dan memelihara kuasa bangsa.

Yang menjadi terkilan kenapa perlu disebut secara memperkecilkan bangsa Melayu Singapura. Sedangkan yang menghadapi masadepan genting adalah Melayu Malaysia. Lebih teruk kan kalau menjadi hamba bangsa sendiri?

Lagi satu, tidak layaklah Saudara/Saudari SamuraiMelayu untuk memberi ulasan yang tidak ada asas langsung seperti itu. Lebih baik tumpukan perhatian tentang permasalahan di negara sendiri.

Saya rakyat Singapura berbangsa Melayu, faham dan cukup bangga dengan asal saya yakni dari rerumpun bangssa Melayu. DAN saya cukup yakin penuh dengan keupayaan bangsa Melayu, kerna kita di Singapura perlu bekerja dengan lebih keras lagi kerana tidak ada bantuan seperti di Malaysia. Dengan itu, segala pencapaian kita lebih memuaskan kerana di atas dasar usaha, jerih perih kita, dapat kita buktikan Melayu boleh!

Yang saya perlukan tekan ialah, bangsa Melayu memang boleh, asalkan jangan jadi bangsa yang meLAYU.

Jadikan kita orang yang meNEGAK, meMAJU dan MAU bertindak. Bukan sekadar pandai berbual bual tanpa tujuan dan tindakan.

Sekian dahulu curahan hati orang MELAYU Singapura.

Wassalam

SbqImfrdn

By terongpipit on December 2, 2008 6:56 PM

ASSALAMUALAIKUM TUN,

Bagi saya tidak mustahil orang Melayu Malaysia akan dijajah kembali... mungkin ianya tidak saperti masa British dulu TETAPI mungkin saperti apa yang terjadi di Singapura sekarang ni... iaitu atas nama demokrasi.

Fikir-fikirkanlah..... bagaimana Perlembagaan Singapura berubah dari masa Yusuf Ishak hingga kehari ini... ini juga boleh terjadi kepada Perlembagaan Malaysia.

Jadi?

By ng thing seng on December 2, 2008 7:13 PM

Salam Tun,

Kaum orang Melayu adalah kaum terbesar di Malaysia, oleh yang demikian kuasa politik sentiasa di sebelah kaum Melayu.

Kaum kaum yang lain hanyalah boleh bersorak akan tetapi akhirnya kuasa masih berada di atas tangan orang Melayu.

Nasib kaum yang lain, sama ada akan menjadi rakyat kelas kedua atau pun menjadi rakyat Malaysia yang saksama, juga berada dalam tangan orang Melayu. Itu adalah realiti.

Dalam dunia ini, semua manusia itu hamba. Semua perlu memberi perkhimatan kepada yang lain. Sekiranya tokoh tokoh perusahaan itu hanya tahu melayan perkerja perkerjanya seperti hamba, maka tokoh perusahaan itu tidak akan berjaya. Sekiranya kita berusaha dengan penuh kegigihan tidak mungkin kita akan menjadi 'hamba'.

Tetapi ramai pemimpin pemimpin negara sekarang ini nampaknya hanya tahu membela nasib diri mereka sendiri atas nama membela bangsa, Wahai tokoh tokoh politik, rakyat Malaysia yang berbilang kaum di negara ini hanya ingin melihat kamu mentabir negara ini dengan bijak dan ikhlas kalau boleh dengan penuh jadi diri. Dalam seumur kehidupan kita ini yang hanya tahu ambil dan tidak tahu memberi balik kepada masyarakat adalah sia sia. Semua kekayaan dalam dunia ini, tidak dapat dibawa bersama kita bila mati, satu sen pun tidak boleh.

Bukalah mata dan lihat kenapa sesebuah negara itu maju dan juga kenapa negara dunia ketiga itu mundur. Puncanya ialah sikap keiklaskan ataupun sikap tamak pemimpin pemimpin sesebuah negara itu.

Di Amerika terdapat ramai jutawan jutawan yang memberi semua kekayaan mereka kepada tabung kebajikan supaya kekayaan mereka boleh sentiasa memberi kebajikan kepada yang berkeperluan walaupun setelah mereka meninggal. Sekiranya anak anak kita itu bijak, mereka tidak perlu banyak duit untuk berjaya. Sekiranya anak anak kita itu tidak bijak maka semua kekayaan yang diberi kepada mereka hanya akan membinasakan diri mereka sahaja.

Orang orang barat mempunyai banyak budaya dan pemikiran yang tidak sempurna tetapi ada juga kelebihan. Satu daripada kelebihan budaya mereka ialah cara mereka membuka minda dari kritik kritik luar dan lebih lagi menkritik kritikan diri sendiri.

Kita perlu membimbing anak anak kita untuk berjaya. Sekiranya kita hanya beri mereka itu tongkat, maka mereka akan menjadi cacat.

Minta maaf kalau pandangan saya menimbul perasa yang menyingungkan.
By mohdamir on December 2, 2008 7:24 PM

Assalamualaikum,

Akhir-akhir ini kelihatan pemimpin-pemimpin UMNO hanya menumpukan sepenuh perhatian kepada pemilihan UMNO yang akan di adakan pada bulan Mac 2009 sehingga hal-hal lain yang penting khususny membela nasib masyarakat Melayu, kestabilan politik dan masalah kewangan tidak diberi perhatian. Yang amat menyedihkan berita-berita mengenai amalan rasuah untuk mendapat sokongan daripada perwakilan menjadi-jadi.

Lebih menyedihkan perjuangan UMNO meliputi memperkasakan agama Islam, namum amalan pemimpin-pemimpin UMNO sekarang amat buruk sekali. Sementara Presiden UMNO juga telah dikaitkan dengan gejala yang amat buruk itu. Baru baru-baru ini beliau telah mengkritik penjawat awam, kononnya mereka telah menggugut kontraktor bagi mendapat imbuhan. Saya hairan tidakkah beliau merasa malu untuk menasihati penjawat awam sedangkan beliau juga yang mengamalkan nya. Mungkinkah juga

beliau telah lupa akan slogan yang pernah Tun popularkan pada suatu masa dahulu "Leadership by example".

Saya dengan rendah diri merayu kepada Tun agar terus mengkritik walaupun mendapat cemuhan dari segelintir orang melayu yang mempunyai agenda kepentingan diri sendiri. Moga-moga segala usaha Tun selama ini akan diBERKATI. Saya doakan semoga Tun Sekeluarga sentiasa di RAHMATI ALLAH.
By taurus sitara on December 2, 2008 7:26 PM

Assalamualaikum Tun Mahathir,
You are sounding the bells of destruction again,second time I believe.First time was when you said,"MELAYU MUDAH LUPA".I think this view of yours should be the headlines in newspapers for everyday until PakLah resign.Wassalam.
By malaysiaku on December 2, 2008 7:33 PM

Salam Tun,

For me ,your above statement is like rotten "egg".Please don't destory this country because of your unfinished agenda with Pak lah.

Mukriz ideas to close down chinese and Tamil school is good and how about sekolah agama and sekolah pondok status???are you going to close down it too ! I wonder ,how UMNO/BN govt have done so much damage to our education systems.
Please don't gamble or make rojak with our education system.

Take care Tun,We all love you so much.
By Onlooker on December 2, 2008 7:38 PM

Saya merujuk kepada ayat 15 dalam karangan Tun.

Dengan menyatakan bahawa orang Melayu di Malaysia akan jadi seperti orang Melayu di Singapura di mana mereka menjadi "hamba" kepada kaum-kaum lain, Tun sudah membuat satu tuduhan yang tidak berasas pada kerajaan Singapura di bawah pemerintahan Parti PAP Singapura. Adalah nyata bahawa Tun selalu pandai menghasut untuk menarik perhatian daripada orangramai Melayu. Kalau Tun betul-betul dapat bukti kukuh bahawa orang Melayu di Singapura sudah menderita kerana dijadikan "hamba" kepada kaum-kaum lain, diharap Tun dapat membentangkan bukti ini kepada semua orang di seluruh dunia ini. Tun sudah berusia dan sudah pernah menjadi Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun. Percakapan Tun haruslah selalu berjaga-jaga dan memberikan sumbangan baik kepada semua manusia kerana ramai orang muda suka mencontohi Tun dalam fikiran dan kelakuan peribadi. Janganlah Tun ulangkan kesilapan lagi kerana suka membuat tuduhan yang tidak berasas semata-mata demi kepentingan politik sendiri sahaja ataupun demi kepentingan politik anak sayang Tun sendiri sahaja.

Apakah buktinya orang Melayu di Singapura sudah menjadi "hamba" kepada kaum-kaum lain? Sebenarnya, ramai orang Cina di Singapura lagi suka makan di warung makanan Islam seperti kedai roti prata di Jalan Kayu Singapura dibandingkan dengan bilangan orang Cina di Malaysia yang suka makan di kedai Mama. Ramai orang India atau orang Cina di Singapura suka berkahwin dengan orang Melayu di Singapura oleh kerana orang Melayu di Singapura pandai bertutur dan bertulis dalam Bahasa Inggeris dan ketidaksamaan bahasa tidak lagi menjadi satu halangan antara satu kaum sama kaum lain di Singapura. Dari segi perpaduan nasional, Singapura sudah mencapai kejayaan yang lebih disanjung daripada Malaysia.

Ayat 15 dalam tulisan Tun ditunjuk di sini untuk rujukan:

'15. Bagi mereka ini generasi akan datang akan kutuk mereka apabila orang Melayu di Malaysia sudah jadi seperti orang Melayu di Singapura di mana mereka menjadi "hamba" kepada kaum-kaum lain. Inilah nasib yang menunggu orang Melayu kerana lebih sedia disogok daripada mempertahankan dan memelihara kuasa bangsa.'

By abangchiqAuthor Profile Page on December 2, 2008 7:38 PM

Tun,like you said...

"Corruption is the bane of all countries. It cannot be totally eliminated. But it can be reduced if bureaucratic procedures are minimal and take the shortest time possible. Any delay must suggest corruption and investigations must be carried out."

Hope our country in peace forever,god please bless my country.

<http://moneyedition.blogspot.com/>

<http://abangchiq.blogspot.com/>

By kedah youngsterAuthor Profile Page on December 2, 2008 7:50 PM

Assalamualaikum Tun.....

Telahan Tun ini ada jugak logiknya, Kalau tak masakan si dolah ni tanggung PAU hingga mac kan? Selalunya, seseorang yang nak letak jawatan tu tak payah la nak tanggung-tanggung.

Jika benarlah hal ini berlaku nanti, Ahli-ahli UMNO perlu membuat satu resolusi untuk MENYINGKIRKAN dolah dari menjadi ahli UMNO.

Wahai si dolah, jika kamu baca artikel Tun ini (itupun kalau kamu tak tido) SEDARLAH AKAN DIRI KAMU TU...

Paklah...

RAKYAT DAH TAK SUKA KAMU!!!!

RAKYAT DAH TAK SABAR NAK TUNGGU KAMU TURUN!!!

KAMU TAK MALU KAH???

KAMU TAK SEDAR DIRIKAH???

KAMU TAK ADA PERASAAN KAH???

KAMU TAK ADA MATA & TELINGA KAH???

By JJJ on December 2, 2008 7:54 PM

salam Tun,

Jika DSAAB kekal sebagai PM...

INI ADALAH SATU MIMPI NGERI DAN PETANDA KEJATUHAN UMNO.MAKA BOLEHLAH KITA SAMAKAN BELIAU DENGAN SULTAN TERAKHIR MELAKA PADA 1511.

Wassallam

Jeng3

By samuraimelayuAuthor Profile Page on December 2, 2008 8:20 PM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN
IZINKAN,

10. Jika rakyat Malaysia ingin elak daripada nasib buruk ini menimpa negara, rakyat perlu beritahu UMNO dan kepimpinannya awal-awal lagi iaitu rakyat akan tolak UMNO jika orang yang diketahui umum terlibat dengan rasuah dipilih sebagai pemimpin UMNO pada pemilihan Majlis Tertinggi Mac 2009.

PADA PRU 12 ..DAH DIBERITAHU

PR KECIL PERMATANG PAUH..DAH DIBERITAHU

RIBUAN ANAKANDA CHEDET.COM DAN SAHABAT2 BLOGGERS LAIN TERUTAMANYA 'THE SCRIBE' TELAH TERANG MENERANGKAN JIKALAU...

KAMI PERCAYA CAKAP2 DIKEDAI KOPI, DIWARONG2, DIDALAM TEKSI,BUS, LORI
DIDALAM PESAWAT, JARAK JAUH DAN DEKAT?.. LU FIKIR LAH SENDIRI

11. Demikian juga jika Abdullah cuba terus menjadi Perdana Menteri selepas Mac 2009, rakyat harus beri mesej yang jelas yang UMNO serta BN akan dikalahkan... NAUZUBILLAH

12. UMNO pimpinan perasuah dan perosak tidak harus diberi kuasa memimpin negara yang tercinta ini..
TERMASUK PEMIMPIN2 'AAB (ARROGANT,USELESS, MENTAL BLOCKED), KUNTA TEMPE(KT)
DAN KORAP JANTAN(KJ)

THIS SMOKING SAMURAIMELAYU HEART 'ME-LAYU' A BIT ON THE THOUGHT OF 'TERESA KOK'
RAISING A COCK SLAUGHTERED AS A SYMBOL OF VICTORY OVER KETUANAN MELAYU AND
SUBSEQUENTLY, PAS/PKR LEADERS 'JABBING' THE MALAY/MUSLIM FROM THE BEHIND AFTER
PRU 13.

PERHAPS, PLUS SHUD POST THE MESSAGES ON THEIR SIGN BOARDS ALL ALONG THE
HIGHWAYS AND ALL THE WAY UNTIL MARCH 2009.

STILL NOT ENOUGH??.. THEN UMNO IS DOOMED!

ALFATIHAH, AMIN.

By noorhairudin on December 2, 2008 8:28 PM

assalamualaikum Tun,

Maaf terkeluar daripada topik. Saya doakan agar Tun berada dalam keadaan sihat dan sejahtera. Saya amat menyanjung kepimpinan Tun. Saya ingin mengetahui apa perasaan Tun apabila mengetahui Bangunan Sultan Iskandar (Kompleks Kastam, Imegresen & Kuarantin Gerbang Perdana) yang telah diwarwarkan sebagai bangunan yang moden telah selamat dirasmikan. Mengapa Tun tidak hadir sama ketika bangunan ini dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Sedangkan bangunan ini mula didirikan ketika zaman kegemilangan Tun. Saya merasa sedih kerana Tun tidak berada ketika perasmian. Adakah pihak Gerbang Selatan tidak menjemput Tun ketika perasmian bangunan tersebut

By cabaikeringAuthor Profile Page on December 2, 2008 8:29 PM

salam all

saya bukanlah ahli umno atau ahli mana mana parti politik di malaysia... sebab saya tak layak nak join semua ni...

kenapa saya tak layak...sebab saya tak reti nak jadi hipokrit..

apa apa pun...diminta saudara saudari melawat laman blog sopo saya di

<http://www.cabai-kering.blogspot.com>

untuk bersantai... wassalam

By Ms. Cane on December 2, 2008 8:30 PM

Oh, no! Pak Lah still have the heart to maintain his position as the PM? Oh no..Please tell me it isn't true!
We don't want a weak leader like him to lead Malaysia..not again! Please, not Pak Lah again. Sorry, Pak
Lah. I think it's about time for you to wave goodbye.

By Mohd Naim on December 2, 2008 8:37 PM

Yg. DiKasihi Tun,

Tahniah diatas anugerah-anugerah kehormatan oleh kerajaan Iran kepada Tun. You well deserve them
and I am proud being a Muslim Malay.

Pemimpin-pemimpin lain yang ada di Malaysia sekarang pun boleh juga dapat apa yang Tun perolehi itu tapi faham-faham sajalah semestinyalah melalui rasuah.

Kalau betul ramalan Tun yang DSAAB nak kekal sebagai PM dengan cara bangsat itu maka bermakna sesuatu akan berlaku kepada DSNTR sehingga keadaan menjadi kelam kabut ketika itu. Memandangkan tiada calon Presiden yang lain, DSAAB terus menerajui kerajaan dengan sokongan padu ahli-ahli Parlimen PR, kunci-kuncunya dari UMNO dan parti komponen BN yang bencikan Melayu.

Sungguh dahsyat sekiranya scenario diatas berlaku kerana kerajaan campuran ketika itu akan mengikut telunjuk Mat King Leather dan sekutu-sekutunya. Melayu akan hilang kuasa dengan sekelip mata dan diketepikan macamlah di Singapura.

Mungkinkah ini yang dikatakan Dajal yang terbit sebelum akhir zaman? Banyak yang lupa diri tidak tahu membezakan yang batal dan benar, yang salah dan yang betul dek sebab tamak kuasa dan wang ringgit?

Tun, we are with you to slay this Dajal. We hope and pray for your good health and a long life to see this ended.

By patrickz218 on December 2, 2008 8:42 PM

Dear tun,

If singapore malays is hamba in singapore? why they don left singapore?U can go there and check for yourself,they have work n house.Pls work hard!Like father and son!

By patrickz218 on December 2, 2008 8:43 PM

Dear tun,

If singapore malays is hamba in singapore? why they don left singapore?U can go there and check for yourself,they have work n house.Pls work hard!Like father and son!

By samuraimelayuAuthor Profile Page on December 2, 2008 8:46 PM

SALAM AYAHANDA RAKYAT TUN

IZINKAN,

10. Jika rakyat Malaysia ingin elak daripada nasib buruk ini menimpa negara, rakyat perlu beritahu UMNO dan kepimpinannya awal-awal lagi iaitu rakyat akan tolak UMNO jika orang yang diketahui umum terlibat dengan rasuah dipilih sebagai pemimpin UMNO pada pemilihan Majlis Tertinggi Mac 2009.

PADA PRU 12 ..DAH DIBERITAHU

PR KECIL PERMATANG PAUH..DAH DIBERITAHU

RIBUAN ANAKANDA CHEDET.COM DAN SAHABAT2 BLOGGERS LAIN TERUTAMANYA 'THE SCRIBE' TELAH TERANG MENERANGKAN JIKALAU...

KAMI PERCAYA CAKAP2 DIKEDAI KOPI, DIWARONG2, DIDALAM TEKSI,BUS, LORI DIDALAM PESAWAT, JARAK JAUH DAN DEKAT?.. LU FIKIR LAH SENDIRI

11. Demikian juga jika Abdullah cuba terus menjadi Perdana Menteri selepas Mac 2009, rakyat harus beri mesej yang jelas yang UMNO serta BN akan dikalahkan... NAUZUBILLAH

12. UMNO pimpinan perasuah dan perosak tidak harus diberi kuasa memimpin negara yang tercinta ini.. TERMASUK PEMIMPIN2 'AAB (ARROGANT, AIMLESS BONEHEAD), KUNTA TEMPE(KT) DAN KORAP JANTAN(KJ)

THIS SMOKING SAMURAIMELAYU HEART 'ME-LAYU' A BIT ON THE THOUGHT OF 'TERESA KOK' RAISING A COCK SLAUGHTERED AS A SYMBOL OF VICTORY OVER KETUANAN MELAYU AND SUBSEQUENTLY, PAS/PKR LEADERS 'JABBING' THE MALAY/MUSLIM FROM THE BEHIND AFTER PRU 13.

PERHAPS, PLUS SHUD POST THE MESSAGES ON THEIR SIGN BOARDS ALL ALONG THE

HIGHWAYS AND ALL THE WAY UNTIL MARCH 2009.

STILL NOT ENOUGH??.. THEN UMNO IS DOOMED!

ALFATIHAH, AMIN.

By Manjalara on December 2, 2008 8:52 PM

Why u always mentioned Singapore on a negative light ?? If you are honest to yourself ,you shall be very envy of the success of the Singapore goverment. No natural resourses like Malaysia but their citizens is really enjoying a good quality of life regardless of race.Why you never highlight these ??? I guess it might be a natural Malay way of dengki of successful neighbour.You have prove it time and again. But trust me and you also realize that Malaysia will never be on par with Singapore.Even by Singapore today's standard, Malaysia will not be able to achieve in 50 years if it is rule by the current goverment.
By hanifAuthor Profile Page on December 2, 2008 8:54 PM

Salam tun dan pembaca semua,

Pasal peralihan kuasa ni, its either Pak Lah or his kuncu2 who is trying to buy some time to accomplish their own agenda. Apa yang Tun tulis di atas memang ada kemungkinan dan telah lama dibincangkan di kalangan rakyat.

What agenda? only God knows but surely not some agenda for negara or bangsa. Sebab, Pak Lah masih seperti yang kita kenali, take his own sweet time p luar negara, p sana, p sini, tak nampak pun dia betul2 gunakan masa yang ada dan 3 bulan extension untuk perkasakan parti atau Kerajaan.

Tapi, kalau pak lah pun najib tak boleh handle, memang dia tak layak ambil tempat PM. Dia pun bukanlah pemimpin yang saya harapkan. Tak nampak prinsip dan visi dia, at least at this very moment. A leader must be a fighter, tak boleh play safe.

Pemimpin boleh mencorakkan pengikutnya dan pengikut pun boleh mencorakkan pemimpinnya.... pilih la yang mana satu. Kalau pemimpin bagus ikut la, kalau pemimpin tak bagus nasihat, tapi kalau tak dengar, humban la kat mana2. Tapi sapa yang nak humban? sapa yang nak ganti la kot. tak gitu?

Pasal mukhriz cadangkan satu sistem persekolahan tu, bagus lah. Memang semua pemimpin kena perjuangkan perkara tu. Tapi harap dia konsisten dan perjuangkan betul2 dan bukan sebut perkara ni hanya untuk tujuan dan masa tertentu sahaja, sebab inilah perkara pertama dan asas yang perlu kita buat untuk memupuk perpaduan.

Saya cadangkan Kerajaan jangan beri apa2 bantuan untuk sekolah jenis kebangsaan ni (tapi TPM dah announce bantuan tambahan lagi, macamana nak jadi PM pujaan ku ni? not a fighter la) bantuan modal pun tak payah bagi. Ada masalah ke? bukan kita tak bagi dia belajar bahasa ke budaya dia ke, yang ni kita sediakan la kat sekolah kebangsaan kita, orang kita pun boleh belajar bahasa dan budaya mereka. Macam saya pernah komen sebelum ni, peringkat pengajian tinggi pun dah ada jenis kebangsaan, unitar, universiti wawasan dan lain-lain. Perkembangan yang sungguh tak memberangsangkan.

Tun, tolong tulis something pasal memperkasa orang Melayu la, I think yang ni pun Tun kena tekankan supaya ketuanan Melayu adalah ketuanan yang ada substance, bukan retorik saja.

sekian.

<http://budakjawa.wordpress.com>

By wan ahmad radziAuthor Profile Page on December 2, 2008 8:59 PM

Tun,

Saya berharap khabar angin Pak Lah akan terus jadi PM berupa khabar angin dan andaian semata-mata.
2. Saya fikir Pelan Peralihan Kuasa tetap akan dilaksanakan sebagaimana jadual.

3. Rakyat dah tahu dan DS Mohd Najib pun dah bersedia dengan angkatannya.
4. Mungkin Tun perlu menyarankan kepada kami rakyat Malaysia dan ahli UMNO bagaimana untuk terus bekerja dan memantapkan parti dan kerajaan.
5. Persoalan rasuah yang dah menjadi barah agak rumit dan pelik. Pemimpin yang rasuah mesti dihapuskan dari berada dalam barisan kepimpinan negara.
6. Ada juga berpendapat tulisan Tun akan meningkatkan pautan sokongan kepada Mukhriz, atau mungkin juga kepada mereka yang terpuak dengan tulisan Tun akan memastikan Mukhriz tewas.
7. Hayat Tun dalam UMNO sarat dengan pengalaman, sudah dapat membaca pergerakan sokongan dalam pemilihan UMNO.
8. Bagaimanakah perwakilan UMNO akan menterjemahkan hasrat Tun untuk mengembalikan integriti dan keyakinan rakyat kepada BN?

Saya amat berharap Tun terus menajamkan tulisan dalam blog yang amat berharga dan bermakna kepada kami.

By OrangBaruLahir on December 2, 2008 9:08 PM

Ybhg Tun for one who has been there before, for sure you would have had the experience of what it feels like having to leave the doors of Putrajaya for the last time.

Allow me to to reflect and partly speculate on the possible reasons, the current PM maybe trying to hang on to the seat of power within the government.

For sure Ybhg Tun, when you handed over power to Pak Lah on that faithful day, you would probably be thinking that you are handing over the reins of power to an honest and pious and deserving compatriot, who would look after the affairs of the nation and the fate of orang Melayu, for the agreed duration before the next PM in waiting takes over. You would have thought what damage could this honest UMNO leader do the nation, given his outwardly devoutness as a pious Muslim?

But like any leader, there are those close to them, that have influence over the thinking and actions of the leader, that either clouds their thinking or advise them well in making judgment before making the final decision on specific matters. These are sometime also good hearted advisors or can also be those that may not have the best interest of the nation at heart.

I would certainly say having to wear such a "BIG" shoe that you have left him before he gets enough time to adjust to the "BIG" shoe would have certainly overwhelmed him on the short term and long term issues of governance. But what really made him to disagree that there was an agreement that he should only stay for only one term certainly boogles me, but just maybe seating in the most powerful seat that you have created for him, must have given him a taste of power, and what the velvet glove can do and that he is now wearing must have certainly changed him along the way. For the velvet glove was certainly equivalent to an Alladin Lamp that could conjure to him all the riches of the world and all its worldly influence over everything to even power and the right over life and death, and this was something to difficult to let go, as it is capable to enrich him and his old and new family members.

Maybe the three big events that occurred during his reign, namely the death of his beloved wife leading to the almost secret love affair to his new found love, the unforeseen lost in the General Election which was almost not predicted because of the over confidence of his young son-in-law in making the major coup of young turks taking over of UMNO and lastly the unforeseen economic down turn which would have certainly upset any major economic returns planned during the better times of the economy.

Just maybe the last event had stalled all major investment initiatives, and what was planned could no longer be realised within the time frame till March 2009. This could have lead to a rethinking as to how to ensure, thing can still be made to happen by staying on as the PM.

Even with the uncertainty that Sharizat [his prodigy] could beat Rafidah in a fair fight, must also be a reason for him to stay on, for having Rafidah as Wanita Head longer than his March tenure would endanger the presence of his dozen selected proxies, as Rafidah is at least the last orang Melayu

"insurance" of maintaining stability within UMNO. [with more than 2M wanita members, Rafidah would be a major power broker within UMNO - even Kaveas should not asked for a Minister post as the Wanita UMNO has more members and influence than that of the PPP total membership - and out of Pak Lah ignorance Rafidah has not been given a Minister post]

Maybe the threat of all his family business vanishing into smoke if Najib really wants to hang him out to dry, for being the major reason why BN failed in the General Election has also given him grounds to overstay his tenureship as the PM.

For whatever overwhelming reason, the current PM must step aside for the good of the nation during the current turbulent period of economic downturn, the ship cannot have two skippers, surely Pak Lah knows this well because of his recently acquired flamboyant past time of sailing in his luxury yacht.

But maybe this favourite past time has given him the idea that Najib can be the UMNO president but he remains the shipowner.

Again if he was to leave with any semblance of credibility, winning back Penang from the DAP would at least give him some dignity as the Malay leader that manage to grasp back the island that he gave to GERAKAN to give to DAP. But certainly to do that he would need to remain as the PM, because to win back Penang just as the UMNO Penang liaison chief would almost be rewriting the Alamo.

There are too many compelling reasons why he should go, be it his own management capabilities, the hatred that had since grown from the majority of the Malaysian population to the way he had managed the country and overwhelmingly he is a liability that the opposition parties namely DAP and PKR would like to have around to ensure the final curtains is thrown over UMNO.

But I cannot say that the old man is now trying to "genggam bara api biar sampai jadi abu" as there is no reason for him to do it anymore, why prolong the suffering, at stake is the fate of a young nation.

As I started out by saying that maybe leaving the great door of Putrajaya is really something difficult to do, and if that be the reason, maybe we should just let him have the whole door to take back with him to his home state.

" Genggam bara api biar sampai jadi abu - Biar putih tulang jangan putih mata "

Salam perjuangan buat semua anak bangsa ku.

Perjuangan ini tiada akhirnya, hanya hadiahnya berkekalan buat anak cucu terus kekal memerintah tanah melayu. Maaf Ybhg Tun kerana mengambil ruang dan masa blog Ybhg Tun

By jamilmalik on December 2, 2008 9:15 PM

SORRY GUYS, I HAVE BEEN HERE 1ST. ONCE BEFORE BUT THATS NOT IMPORTANT, I GUESS, COS WE ARE HERE SIMPLY WE LOVE TO READ WHAT TUN HAS TO SAY!

TUN,

HELLO AGAIN.

1)I DOUBT PAK LAH WILL STAY BEYOND MARCH 2009. NO USE DEBATING ABOUT IT.PERIOD.

2)I REALLY LIKE THE IDEA PROPOSED BY TS MUHIYUDDIN TO STOP MONEY POLITIC IN UMNO ONCE AND FOR ALL. IF IT IS GOOD AND PRACTICAL, UMNO MUST MAKE USE OF THE SYSTEM WHEN NAJIB BECOMES UMNO PRESIDENT(ANYWAY HE IS ALREADY PRESIDENT LAST TWO SUNDAYS AGO!!).

MALAYS AND EVEN THOSE SINCERE HONEST PEOPLE SERVING UMNO ARE VERY MUCH ASHAME OF THE MONEY-POLITIC IN UMNO! YOUNGER GENERATIONS ARE ASHAME TO JOIN UMNO AND WILL SHY AWAY COS THEIR FRIENDS WILL POKE FUN IF THEY JOIN UMNO OPENLY.

3) UNDER THE CURRENT SYSTEM, I FEAR MAYBE A FEW CORRUPT UMNO LEADERS WILL WIN CERTAIN POSITIONS IN UMNO COME MARCH 2009 MAINLY THRU MONEY POLITICS.

NAJIB SEEM UNCERTAIN WHAT TO DO NOW ALTHOUGH EFFECTIVELY NAJIB IS UMNO PRESIDENT-ELECT.

MAYBE NAJIB WILLING TO WAIT TILL MARCH 2009 WHEN HE TAKES OVER HELM OF UMNO/BARISAN AND HOPEFULLY PM OF MALAYSIA.

WHATEVER THE CASE MAY BE, NAJIB SHOULD CAST HIS EYES ON THE MONEY POLITICS SITUATION DURING RUN-UP TO UMNO ELECTION.

IF ONE WINS ON POLITIK WANG, FINE! BUT NAJIB CAN DECIDE NOT TO APPOINT SUCH PERSON TO CABINET.

MALAYSIAN AND MALAYS ALIKE ARE LOOKING FORWARD TO MARCH 2009!

MANY EVEN POSTED IN THEIR BLOG THEIR "DREAM-TEAM" UNDER NAJIB.

PM & MINISTER OF FINANCE NAJIB TUN RAZAK
DEPUTY PM/INTERNAL AFFAIRS MINISTER TS MUHIYUDDIN YASSIN
MINISTER OF TRADE RAFIDAH AZIZ
MINSTER OF EDUCATION MUKHRIZ MAHATHIR
MINISTER OF DEFENCE RAIS YATIM
AND SOME MORE.....

4) IT IS IMPORTANT THAT NAJIB LAY A STRONG FOUNDATION AND GIVE FRESH HOPE TO MALAYSIANS. IT MUST TELLING SO THAT CONFIDENCE RETURN TO BARISAN NASIONAL. I AM SURE NAJIB WANTS TO SHOW HE CAN WIN BACK THE LOST STATES AND WIN MORE SEATS. IF POSSIBLE A 2/3 MAJORITY!

BUT ALL HOPE FOR SUCH WILL DEPEND ON HOW NAJIB HANDLE UMNO/BARISAN AND THE NEW CABINET APPOINTMENT BEFORE HIMSELF CALLING FOR FRESH MANDATE POSSIBLY IN 2011.

GOOD LUCK NAJIB.

TUN, CONTINUE WITH YOUR STORIES. I JUST LOV THEM

JAMILMALIK

By YapAhLoy on December 2, 2008 9:23 PM

Salan Tun dan Warga Chedet,

Sekiranya parti lawan mengambil alih kuasa, saya rasa orang Melayu, Cina, India, dan lain lain kaum turut gembira dan nasib kita akan bertambah baik. Mengapa?

Kerana

a) kuasa mutlak dan "diktator" yang hanya mementingkan kaum keluarga ahli politik akan dimusnahkan sekaligus.

b) Negara yang mempunyai Pembangkang dan Pemerintah akan lebih bermanfaat kepada Rakyat dari satu parti yang memperolehi kuasa mutlak.

c) Lihat bagaimana PKR membocorkan rahsia pembelot dan pemboros negara. Ahli ahli politik yang disingkirkan hidup dengan ketakutan. Mereka takut tindakan rasuah dan jahat mereka akan dibankitkan oleh PKR.

d) UMNO hanya berjuang untuk kaum "kroni" dan "kontraktor" dan bukan untuk kaum Melayu. Orang Melayu telah lama ditipu oleh UMNO. Mereka yang tidak bertanggung jawab hanya menggunakan kaum mereka sendiri untuk kepentingan ahli keluarga dan kroni sahaja.

e) Sudah lebih 50 tahun masih nak berjuang? Berjuang untuk apa? Berjuang untuk siapa? Berjuang untuk negara atau anak sendiri?

f) Orang Melayu + Cina + India + Kaum Yg Lain amat gembira dan boleh hidup dengan aman damai TANPA UMNO dan BN. UMNO dan BN = Ahli Politik Yang Kurang Cerdik dan hanya mementingkan wang sahaja.

g) UMNO telah banyak membuat kesilapan dan enggan mengaku kesalahannya. Rakyat telah bangun dan lebih matang dengan pemikiran.

h) Perpaduan kaum akan menjadi erat lagi kalau UMNO , MCA dan MIC lesap !

i) Perpaduan kaum akan menjadi lebih erat lagi kalau anak dan kunci kunci anda tidak mengapi - apikan isu kaum lagi.

j) Kami tidak takut lagi, sebab MalaysiaKini, Malaysia Today, Malaysia Insider dan Blog-Blog akan memberi pandangan yang lebih jelas dari Utusan Malaysia.

k) Rakyat Malaysia hendak mencapai Malaysia 2020 dan akan bekerja dengan lebih tekun dan berganding bahu untuk memperbaiki sistem negara yang telah lama dirosakkan olen UMNO dan BN.

l) Biar UMNO menjadi sejarah dan biar rakyat Malaysia terus mara ke hadapan dan bukan buang masa berdebat isu Kaum, isu Ketuanan, dan lain lain. Sesiapa yang membankitkan isu perkauman haruslah dipenjarakan dibawah ISA.

Sebagai kesimpulan, UMNO tidak akan berjaya dalam PRU 13 dan Perdana Menteri yang akan datang pasti bukan dari UMNO. UMNO telah mengagalkan orang Melayu dan orang Malaysia sama sekali. Tanpa UMNO, Malaysia akan "BERTAMBAH LEBIH MAJU" lagi dan mengalahkan Singapura. Sudah lebih 50 Tahun Berjuang, tak tau berjuang untuk apa.. baik serahkan kuasa memerintah kepada PKR !

Tun, saya memang menyanjungi kepintaran dan kewibawaan Tun; tetapi UMNO telah banyak dikaitkan dengan rasuah, seks, pembunuhan, AP, Lesen, salah guna kuasa, ambil tanah orang, kontraktor yang berkuasa, membazir wang rakyat,dan lain-lain.

YapAhLoy

By johndoe on December 2, 2008 9:28 PM

tun. paklah should go now... then only he has all the time to sleep

By duan47 on December 2, 2008 9:38 PM

Nampak nya, posting Tun kali ni sudah m'goyahkan keyakinan sy yg PakLah (si Perosak Bangsa) akan mengundurkan diri Mac '09.

Sy pun seperti Tun juga, agak ragu2 dgn kptsn PakLah yg akhir2 ni masih terus 'sibuk' bekerja (walhal byk tidur sebenarnya).

Sy seru rakyat M'sia utk terus kuat b'doa & sembahyang hajat agar PakLah akan tiada lagi di pentas politik negara ini.

Lihat muka die di tv & suratkhbar, perasaan meluat & jelek (rs nak ludah pun ada) meluap-luap. Hati yg tenang terus jadi panas.

Allah selamatkan Tun & keluarga.

Amin.

By indiana on December 2, 2008 9:43 PM

Tun,

sekarang ada cakap-cakap, kalau Khairi menang ketua pemuda, Rezal Merican menang naib ketua pemuda, Isteri Rezal Merican menang ketua puteri, Shahrizat menang ketua wanita, maka diorang akan pressure Najib kekalkan jawatan PM kepada Pak Lah, biar Najib pegang Presiden UMNO sahaja.

Entah lah, dengar pun risau jugak, tapi saya rasa Shahrizat tu orangnya baik dan memang genuine buat kerja pada rakyat, tapi orang kaitkan dia dengan Pak Lah.

Saya harap-harap, cerita yang disebar di atas tu tak benar lah, harap-harap mereka-mereka yang hantu ni tak menang.

